PDL Fasa 2 dibuka
MS 3



Menangi Peraduan!
MS 18 & 28




PERCUMA
BULETIN MUTIARA
FEBRUARI 16-28, 2019
BERSATU DAN SETIA
www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pulau Pinang cerminkan kerjasama, berjaya mengangkat kepelbagaian semua kaum- Tun M

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Pakatan Harapan Persekutuan akan memastikan jurang sosial antara golongan kaya dan miskin membabitkan semua kaum dirapatkan di tanah air ini.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama dalam Perhimpunan Perdana Perpaduan 2019 sempena Sambutan Hari Perpaduan Negeri Pulau Pinang dan Ulang Tahun Ke-15 Majlis Perundingan Muhibah Negeri Pulau Pinang (MPMNPP).

"Yang akan membawa malapetaka kepada negara kita ini adalah jikalau 'perpisahan' orang miskin dan kaya begitu jauh.

"Sebab itu, Kerajaan Persekutuan akan berusaha merapatkan hubungan antara yang miskin dan kaya, supaya kekayaan kita ini dapat diagih secara saksama antara semua kaum.

"Ini, suatu yang kita kena usahakan supaya jangan identiti kaum disamakan dengan keadaan miskin," jelasnya pada majlis berkaitan di sini pada 8 Februari 2019.

Turut berucap, Pengerusi MPMNPP, Tan Sri Dr. Mohd. Yussof Latiff yang juga Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG).

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow antara tetamu kehormat paling utama di pentas auditorium yang menghimpunkan semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berasaskan etnik berkenaan.

Mahathir memberitahu bahawa walaupun begitu banyak parti ditubuhkan berasaskan kaum sejak sebelum dan selepas merdeka, namun pada hari ini berperanan untuk menjaga semua kaum.

Tambah beliau, Pulau Pinang adalah contoh 'kerajaan campuran' yang berjaya mengangkat kepelbagaian semua kaum dan suku kaum.

Justeru, Mahathir menyasarkan usaha memupuk perpaduan kaum berkaitan, walaupun mungkin tidak berjaya melonjak Malaysia sebagai status negara maju pada tahun 2020, diharap tetap berjaya dicapai pada 2025 kelak.




**TUN Dr. Mahathir Mohamad menyampaikan ucaptama bersempena Perhimpunan Perdana Perpaduan 2019 sempena Sambutan Hari Perpaduan Negeri Pulau Pinang dan Ulang Tahun Ke-15 MPMNPP di sini baru-baru ini. Turut hadir, Ketua Menteri Pulau Pinang.**

"Sudah tentu Pulau Pinang mencerminkan kerjasama antara kaum dengan lebih jelas sejak begitu lama.

"Mungkin pada hari ini agak terlewat sedikit, tapi kita yakin selagi kita dapat menumpukan kepada usaha kerjasama antara kaum-kaum di Malaysia ini dan negara kita kekal aman, kita akan mencapai kemajuan sehingga ke tahap negara maju pada tahun 2025," ujarnya.

# Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Ketua Menteri meriah, penuh tradisi

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAYAN LEPAS –** Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Ketua Menteri Pulau Pinang yang diadakan di Arena SPICE dekat sini meriah dan penuh tradisi pada 6 Februari lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow segak berbusana biru hadir bersama-sama isteri, Puan Tan Lean Kee menyantuni para tetamu yang tidak putus-putus hadir.

Turut mengiringi, Speaker Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang dan isteri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isteri; barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri; Ahli-Ahli Parlimen serta dif-dif jemputan lain.

Kehadiran Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff yang menyempurnakan acara *lou sang* menambahkan lagi seri majlis di sini.

Selain pelbagai juadah istimewa tempatan, turut disajikan persembahan pentas bercirikan tradisional tiga kaum utama di Malaysia.

Di samping itu, pengunjung juga tidak melepaskan peluang merakam gambar-gambar kenangan di ruang fotografi di sini selain berpeluang berswafoto bersama-sama pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Paling dinanti-nantikan oleh pengunjung cilik adalah sesi pemberian angpau oleh Ketua Menteri dan isteri.

Berdasarkan tinjauan Buletin Mutiara, dianggarkan kira-kira 10,000 pengunjung daripada pelbagai latar belakang kaum dan peringkat umur hadir memeriahkan majlis yang berlangsung pada 6 Februari lalu.



**KETUA Menteri serta isteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri mengiringi TYT menyempurnakan acara *lou sang* bersempena sambutan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Ketua Menteri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

## Kerajaan Negeri sentiasa berusaha pastikan hubungan kaum kekal harmoni

**SEBERANG JAYA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang senantiasa berusaha memantapkan lagi hubungan kaum di negeri ini supaya kekal harmoni.

Menurutnya, masyarakat berbilang kaum di negeri, hari ini bersikap saling memahami dan menghormati daripada segi hubungan serta juga pemakanan.

"Perkara ini berlaku bukan sahaja pada musim perayaan, malah sudah menjadi budaya dan identiti dalam masyarakat kita.

"Model perpaduan ini akan dijadikan panduan untuk kita semua agar menjadi lebih peka dan mengenali budaya, agama serta menjaga sensitiviti setiap masyarakat di sekililing kita.



**PERSEMBAHAN tarian singa yang mencuri tumpuan.**

"Saya amat berharap agar kita semua dapat terus mengekalkan keharmonian dengan menghormati amalan, kepercayaan dan budaya semua kaum termasuk soal sensitiviti agama.

"Justeru, marilah kita bersama-sama menyemarakkan budaya muhibah dalam kalangan seluruh rakyat negeri ini yang terkenal sebagai model negeri contoh dalam pelbagai aspek pembangunan," ucap Kon Yeow pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini 13 Februari lalu.

Hadir sebagai tetamu kehormat, Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri.

Turut sama memeriahkan majlis, Speaker Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang dan isteri; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy serta Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP; Konsul-Konsul dan Konsul Kehormat; Ketua-Ketua Jabatan Negeri serta Persekutuan turut hadir.

Selain menikmati pelbagai juadah istimewa seperti sate, char kuey tiaw dan pelbagai lagi, hadirin juga turut dihiburkan dengan persembahan nyanyian serta tarian tradisional masyarakat di negeri ini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menegaskan bahawa Kerajaan Negeri juga komited dalam memastikan segala perancangan negeri ini selaras dengan visi *Penang2030* yang menjurus kepada peningkatan kualiti kehidupan dan pendapatan isi rumah serta persekitaran fizikal yang lebih baik.

"Pelbagai pelan telah direncana oleh Kerajaan Negeri mengikut kesesuaian masa dan keadaan sehingga membuahkan banyak kejayaan hasil gandingan mantap antara rakyat dan pemimpin.

"Oleh itu, semua perancangan dan pembangunan di negeri ini pada masa akan datang akan lebih bersifat holistik dan inklusif serta berlandaskan kepada nilai kekeluargaan," ujarnya.






**SEBAHAGIAN persembahan-persembahan tradisional yang dipersembahkan.**

# PDL Fasa 2 berkonsepkan 'Perpustakaan di dalam Taman' kini dibuka

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 2 (PDL Fasa 2) yang berkonsepkan 'Perpustakaan di dalam Taman' kini dibuka kepada umum.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri membelanjakan RM10.8 juta bagi merealisasikan PDL Fasa 2.

"RM10.8 juta ini adalah untuk pemulihan dan transformasi rumah warisan, membina bangunan tambahan baru, restoran, kafe serta kawasan sekitarnya termasuk infrastruktur digital dan teknologi maklumat.

"Berkonsepkan 'Perpustakaan di dalam Taman', saya yakin pembangunan PDL Fasa 2 ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah *Penang2030* dengan memfokuskan tiga aspirasi utama iaitu keluarga *(family)*, hijau *(green)* dan negeri pintar *(smart state)*.

"Saya yakin bahawa gabungan serasi ruang maya dan persekitaran semula jadi ini dapat mentransformasikan pembelajaran sambil menggalakkan interaksi dan kolaborasi sosial.

"(Dan) segala kemudahan yang ada di sini juga memberikan manfaat kepada semua lapisan masyarakat sama ada kanak-kanak, warga tua, pelajar, profesional serta golongan istimewa," ucapnya pada Majlis Perasmian Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 2 dekat Jalan Masjid Negeri di sini 27 Januari lalu.

Turut berucap, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng serta Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi.



RUANG dalaman yang unik.

Menurut Kon Yeow, pembangunan PDL Fasa 2 adalah hasil perkongsian dan jalinan kerjasama antara pihak swasta dan kerajaan melalui konsep *'Public, Private, People and Professional Partnership'* atau 4P.

"Peneraju projek Perpustakaan Digital Pulau Pinang iaitu Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) telah bekerjasama dengan rakan-rakan program seperti *Telebort, Talk Better, C-Artistic, GEC* dan *Excel NeuroLearning* bagi mempelbagaikan program-program berasaskan *'STEM Education'* semasa membangunkan PDL Fasa 1 dahulu.

"Kini, ia diperluaskan dengan pertambahan kandungan digital seperti bahasa Inggeris, keusahawanan dan kesenian menjadikan STEM dahulu dikenali sebagai ESTEEMA kini.

"(Dan) menerusi platform digital dan teknologi maklumat rekaan *Keysight Technologies* dalam Fasa 1 sebelum ini, kini satu lagi teknologi disediakan dalam pembangunan PDL Fasa 2 iaitu penyediaan lapan unit *'smart pole'* oleh DGB *(Diversified Gateway Berhad)* menggunakan teknologi *Huawei*.

"Unit-unit *'smart pole'* ini dilengkapi dengan sambungan wifi, liputan langsung CCTV, pencahayaan daripada *'smart compound light'* serta papan tanda luaran skrin digital dan *'environment sensing'*," katanya yang juga menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang merealisasikan pembangunan PDL Fasa 2.





SUASANA di PDL Fasa 2 menepati tema ia, 'Perpustakaan di dalam Taman'.

Ketika ditemui pada sidang media sejurus majlis perasmian, Kon Yeow memaklumkan bahawa waktu operasi bagi PDL Fasa 2 adalah dari 8 pagi sehingga 10 malam.

"Memandangkan PDL Fasa 1 telah beroperasi selama 24 jam, maka Kerajaan Negeri bersetuju dan meluluskan waktu operasi bagi PDL Fasa 2 adalah dari 8 pagi sampai 10 malam termasuk operasi kafe dan restoran.

"Selain PDL Fasa 1 dan Fasa 2 ini, masih ada dua lagi perpustakaan yang bakal dibangunkan iaitu Perpustakaan Digital Butterworth yang dijangka siap pada penghujung tahun ini dan Perpustakaan Digital Islam Pulau Pinang pada pertengahan tahun 2020 nanti," jelasnya.

PDL Fasa 2 adalah terdiri daripada dua bangunan dua tingkat merangkumi ruang bacaan selesa di *'Mansion Library'* seluas 4,000 kaki persegi (kp); ruang pembelajaran dan diskusi serta zon kanak-kanak di *'New Annexe'* (10,000 kp); ruang makan dan kafe *'Cabin in the Park'* seluas 2,000 kp serta ruangan terbuka bagi kegiatan pembacaan dan pembelajaran rekreasi di *'Wisdom Street'*.

Selain itu, kedua-dua bangunan yang dianggarkan seluas 16,000 kp itu, mampu menampung sehingga 540 pengunjung pada satu-satu masa berbanding PDL Fasa 1, hanya 140 pengunjung.

Kemudahan lain seperti dewan serba guna yang fleksibel serta boleh memuatkan sehingga 200 orang turut disediakan dengan kadar sewaan sebagaimana diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

## Stesen Pengurusan Sisa Pepejal Batu Maung, pertama dalam negara guna teknologi *vertical compression*

**BATU MAUNG -** Stesen Pengurusan Sisa Pepejal Batu Maung yang merupakan pusat transit bagi pengumpulan sisa pepejal sebelum dihantar ke tapak pelupusan sampah Pulau Burung mula beroperasi Disember tahun lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, stesen pengurusan sisa pepejal berkenaan dengan kos kira-kira RM75 juta itu merupakan projek terunggul serta pertama dalam negara yang menggunakan teknologi *vertical compression*.

"Kaedah pemampatan dari atas ke bawah ini adalah pertama di Malaysia, yang mana jika tidak mempunyai tenaga elektrik pun, ia masih mampu beroperasi.

"Selangor juga mempunyai satu yang menggunakan teknologi serupa (pemampatan), tetapi mereka (Selangor) menggunakan kaedah *horizontal compression* iaitu pemampatan dari tepi.

"Kemudahan pengurusan sampah ini sememangnya satu projek penting untuk negeri, pembinaannya sahaja memakan masa satu setengah tahun setelah lokasi dan pematuhan syarat-syarat alam sekitar dipatuhi.

"Stesen ini mempunyai kemudahan kitar semula, *leachate treatment facility* dan pusat sumber. Diharap ia (stesen) mampu menjadi contoh kepada PBT (pihak berkuasa tempatan) lain dan juga (kepada) universiti, kolej, pelajar atau mana-mana jabatan berkaitan untuk mempelajari mengenai pengurusan sisa pepejal," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.





KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika tinjauan bersempena Majlis Perasmian Stesen Pengurusan Sisa Pepejal Batu Maung di sini baru-baru ini.

Kon Yeow berkata demikian pada Majlis Perasmian Stesen Pengurusan Sisa Pepejal Batu Maung berhampiran Jambatan Kedua di sini 26 Januari lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Dato' Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan); Dato' Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP); Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Ahli-ahli Majlis MBPP dan Kenny Yeoh (Pengarah Eurasia Express Sdn. Bhd., EESB).

Pembinaan Stesen Pengurusan Sisa Pepejal Batu Maung yang menelan belanja sebanyak RM75 juta adalah dibiayai oleh syarikat dilantik iaitu EESB, dan MBPP akan membuat bayaran RM1.56 juta secara bulanan kepada syarikat berkenaan yang mengendalikan pemindahan sampah dari Batu Maung ke Pulau Burung.

Menurut Kon Yeow, kaedah lama untuk mengangkut sampah dari Batu Maung ke Pulau Burung yang menggunakan laluan laut telah diperintah untuk dihentikan sejurus pembinaan Jambatan Kedua ekoran timbul isu keselamatan apabila bot-bot tersebut melalui kawasan berkenaan.

"Kita diarahkan untuk menukarkan operasi mengangkut sampah daripada laluan laut kepada pengangkutan darat.

"Berdasarkan arahan itu, Kerajaan Negeri cepat-cepat mengambil keputusan untuk menaik taraf pusat pemindahan Ampang Jajar supaya sampah yang dibawa dari pulau dihantar ke sana buat sementara waktu, dan terpaksa berkongsi dengan MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai).

"Pada masa sama, kita memulakan proses untuk projek ini," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow turut memaklumkan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangunkan kawasan tapak pelupusan sampah dekat Jelutong.

"Di Jelutong, kita mempunyai cadangan untuk mengorek semula sampah-sampah di sana dan jadikan tapak tersebut sebagai satu kawasan rekreasi ataupun dibangunkan semula untuk pelbagai kegunaan," katanya.

# Harap mahasiswa kongsi input sediakan Pelan Pembangunan Belia 2030

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap mahasiswa kelahiran Pulau Pinang dapat berkongsi pendapat mengenai cadangan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan *Penang2030* iaitu pelan pembangunan masa depan dalam tempoh 11 tahun sehingga 2030.

Menurut beliau, pentadbirannya komited menyediakan persekitaran yang lebih baik kepada mahasiswa demi menggilap bakat serta potensi mereka.

Justeru, Kon Yeow berharap mahasiswa dapat memberi input kepada Kerajaan Negeri hari ini dalam menyediakan Pelan Pembangunan Belia 2030.

"Ketika kita menghampiri tahun 2020, Pulau Pinang telah mula menerajui perancangan pembangunan belia untuk 2030.

"Justeru, penglibatan saudara-saudari pada hari ini adalah sangat penting dalam berkongsi 'input' dengan Kerajaan Negeri," jelasnya ketika menyampaikan ucaptama dalam Majlis Persidangan Mahasiswa Pulau Pinang 2019 di sini 26 Januari lalu.

Kon Yeow memberitahu, mahasiswa hari ini sebenarnya mendepani dua cabaran utama, salah satu adalah menyediakan diri sebagai tenaga kerja dalam era teknologi yang pesat berkembang.

Satu lagi cabaran, menurutnya, adalah persiapan mahasiswa dalam mendepani perubahan politik, termasuk selepas had mengundi diturunkan pada usia 18 tahun.

"Lihat bagaimana *'Internet of Thing'* dan Revolusi Industri 4.0 sedang mengubah dunia, terdapat banyak pekerjaan yang tidak lagi memerlukan tenaga manusia, hanya dengan integrasi komputer yang lebih cekap serta canggih.

"Namun, pada masa sama, perkembangan ini mewujudkan peluang dalam bidang kerjaya yang lain pula.

Kini, Malaysia sedang melalui proses pendemokrasian... Kerajaan berhasrat untuk menurunkan had umur kepada 18 tahun.

"Ertinya, adalah menjadi tanggungjawab saudara dan saudari untuk mempersiap-siagakan adik-adik kita di sekolah menengah sekarang dengan tanggungjawab ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota dan Ahli Parlimen Tanjong.



**PARA peserta tidak melepaskan peluang berswafoto dengan Ketua Menteri sejurus Majlis Persidangan Mahasiswa Pulau Pinang 2019 di sini baru-baru ini.**

## Galeri Pendidikan Alam Sekitar pupuk rasa kesedaran penjagaan, pemuliharaan alam sekitar

**KEBUN BUNGA -** Galeri Pendidikan Alam Sekitar yang terletak di dalam kompleks Jabatan Taman Botani Pulau Pinang, Jalan Kebun Bunga bukan sahaja memberi informasi mengenai biodiversiti secara umum, malah turut membuka ruang untuk interpretasi alam sekitar kepada pengunjung.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, selain bertindak sebagai pusat maklumat, galeri tersebut juga dilihat mampu memberi pendedahan kepada pengunjung mengenai alam sekitar.

"Saya pasti orang ramai yang berkunjung ke galeri ini bukan sahaja dapat menikmati keindahan alam semula jadi yang dipaparkan di sini tetapi juga dapat mempelajari mengenai pendidikan alam sekitar.

"Jadi, orang ramai yang sering mengunjungi Taman Botani Pulau Pinang untuk beriadah kini boleh meluangkan masa di Galeri Pendidikan Alam Sekitar ini.

"Diharapkan dengan ada galeri seumpama ini, ia akan memupuk rasa kesedaran umum mengenai penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar" ucapnya pada majlis perasmian galeri berkaitan pada 17 Januari lalu.

Turut berucap, Kurator Jabatan Taman Botani Pulau Pinang, Dr. Saw Leng Guan.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Ong Khan Lee; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Mohd. Ali Sebran; Pengarah Jabatan Botani Pulau Pinang, Mohd. Azwa Shah Ahmad dan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri, Rusli Tahir antara yang turut hadir pada majlis perasmian tersebut.

Difahamkan, penubuhan Galeri Pendidikan Alam Sekitar berkenaan dirintis oleh salah seorang kakitangan Jabatan Botani Pulau Pinang yang mendapat ilham setelah mengadakan lawatan kerja rasmi ke *Rainforest Discovery Centre Sabah* dan *Forest Research Institute Malaysia* (FRIM).

Mula beroperasi pada 2 Januari 2017, galeri tersebut diselia oleh Unit Pendidikan Alam Sekitar, Jabatan Taman Botani Pulau Pinang.

Selain memaparkan maklumat mengenai jenis-jenis pokok yang terdapat di Taman Botani Pulau Pinang, galeri berkaitan turut menyediakan ruang selesa untuk pengunjung cilik.

Dalam majlis sama, turut diadakan serentak adalah pelancaran buku panduan pokok-pokok istimewa, *'A Naturalist's Guide to the Trees of South East Asia'*.

Buku tersebut mempunyai ilustrasi bergambar dengan paparan 286 spesies tumbuhan yang terdapat di Asia Tenggara.

Malah, pihak Taman Botani Pulau Pinang turut bekerjasama dengan *John Beaufoy Publishing Limited* dalam menjayakan penerbitan buku berkenaan.






**SUASANA di Galeri Pendidikan Alam Sekitar.**

## Wifi@Unifi percuma di Bukit Bendera

**GEORGE TOWN -** Bagi memuat naik gambar kenang-kenangan dari atas puncak Bukit Bendera dengan menggunakan telefon pintar masing-masing mungkin tidak lagi tersangkut-sangkut selepas ini, kerana perkhidmatan WiFi@Unifi percuma sudah boleh diakses oleh para pengunjung ke pusat peranginan tanah tinggi itu.

Mengumumkan perkara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa perkhidmatan itu adalah inisiatif bersama antara agensi Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dan Telekom Malaysia Bhd. (TM).

"Kerjasama ini menunjukkan komitmen bersama untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan di kawasan puncak bukit yang indah ini.

"Melalui kerjasama yang dijalankan, orang ramai boleh menikmati internet berkelajuan tinggi sambil menikmati pemandangan menakjubkan," jelasnya yang juga Pengerusi PBBPP dalam sidang media di sini 28 Januari lalu.

Sebelum itu, Pengurus Besar TM Negeri Pulau Pinang, Kelvin Lee Tsuan Chin menyatakan bahawa sebelum ini memang boleh mengakses kemudahan internet menggunakan telefon pintar masing-masing di atas puncak Bukit Bendera, namun kemudahan Wifi@Unifi mungkin pertama kali dipasang di sana, kelak.

Pengurus Besar PBBPP, Cheok Lay Leng turut sertai sidang media promosi kemudahan itu.

# Wang insentif pemandu teksi, operator bas sekolah terus dihargai

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menyerahkan RM702,600 sumbangan wang insentif kepada 2,342 pemandu teksi, manakala 653 operator bas sekolah turut menerima RM195,900.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa pembayaran tersebut dibuat pada 26 dan 27 Januari 2019, masing-masing di Dewan Sri Pinang serta Dewan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDT SPT).

"Tahun ini juga Kerajaan Negeri masih menetapkan untuk menyampaikan insentif sebanyak dua kali, sama seperti tahun-tahun lepas.

"Namun, tiada majlis perasmian yang akan diadakan pada hari pemberian tersebut, sebaliknya hanya kaunter bayaran yang akan dibuka.

"Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan sebanyak RM300 setiap seorang kepada pemandu teksi dan pengusaha bas sekolah di Pulau Pinang yang layak," jelasnya dalam sidang media di sini 23 Januari 2019.

Bercakap pada sidang media sama, Pengerusi Gabungan Persatuan Pemandu Teksi Pulau Pinang (Gabungan), Abd. Malik Darus memuji pentadbiran Kerajaan Negeri kerana tetap meneruskan insentif sumbangan itu.

"Bagi pihak pemandu teksi, kita amat hargai kerana Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang memberi insentif ini.




**KETUA Menteri menyerahkan replika cek wang insentif kepada wakil pemimpin persatuan pemandu teksi dan operator bas sekolah di sini baru-baru ini.**

"Apabila saya bermesyuarat di luar Pulau Pinang, saya diberitahu kita ini amat beruntung kerana para pemandu (teksi) mendapat insentif daripada Kerajaan Negeri, sedangkan mereka tidak (mendapat insentif pemandu teksi).

"Cuma, baru-baru ini saya diberitahu bahawa Kerajaan (Negeri) Melaka pun ada memberi insentif (dalam bentuk insurans)," ujarnya.

Lanjutan itu, Abd. Malik turut mencadangkan Kerajaan Pusat mempertimbang untuk membiayai 'separuh' kos insurans khas untuk para pemandu teksi berwajib.

"Insurans ini amat perlu...kalau boleh Kerajaan Negeri bagi bantuan 'separuh', dan sekiranya bantuan 'separuh' itu dimulakan bermakna dalam RM150 berdasarkan polisi (yang dicadangkan) PERKESO (Pertubuhan Keselamatan Sosial).

"Sekiranya kita dapat bantuan 'separuh' (RM150) dan RM150 lagi dibayar oleh para pemandu kita, bermakna ada satu lagi lagi kebajikan untuk para pemandu kita," katanya.

## Pupuk nilai murni, lahirkan generasi pewaris bersahsiah tinggi

**GEORGE TOWN -** Nilai-nilai murni seharusnya disemai dan dipupuk sejak zaman kanak-kanak lagi dalam melahirkan generasi masa hadapan yang bersahsiah tinggi, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Replika Cek Kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) 2019 di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, ibu bapa perlu berganding bahu bersama-sama warga pendidik, para cendikiawan serta penggerak pendidikan supaya tumpuan dapat diberikan sepenuhnya terhadap perkembangan sahsiah pelajar.

"Bukan sahaja dalam bidang akademik semata-mata tetapi juga pembangunan modal insan berprestasi tinggi serta pembentukan moral yang beretika dan positif," ujarnya pada majlis berkaitan.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut menyuarakan kebimbangan berhubung kesihatan mental remaja masa kini.

"Berdasarkan kajian Laporan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2017, terdapat peningkatan sebanyak 2.1 peratus bagi kes melibatkan perilaku mahu membunuh diri atau cubaan bunuh diri.

"Antara faktor yang dipercayai mempengaruhi kesihatan mental mereka ini adalah berpunca daripada pencapaian akademik yang sering dibanding-bandingkan.

"Oleh itu, saya berpendapat bahawa pembaharuan dalam sistem pendidikan negara harus dilaksanakan segera.

"Hal ini kerana, generasi pewaris kini adalah tunjang pembangunan negara pada masa hadapan," jelasnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Hal Ehwal Sekolah Cina dan Mubaligh, Chong Eng memaklumkan bahawa bagi tahun ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM3,935,000 kepada 89 SJKC seluruh Pulau Pinang.

"Jumlah peruntukan ini adalah berdasarkan permohonan dan keperluan semasa yang dipohon oleh pihak sekolah.

"Gunakanlah sebaiknya peruntukan ini seperti yang dipohon untuk pembangunan sekolah masing-masing," katanya.

Hadir sama, barisan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Jawatankuasa Penyelaras Hal Ehwal Sekolah Cina dan Mubaligh serta wakil pentadbiran sekolah-sekolah Cina berkaitan.

## 'Dasar baru' RMM, Pulau Pinang sudah laksanakan sejak sekian lama

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa sejak 10 tahun lalu lagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan Skim Perumahan Mampu Milik (RMM), melalui kerjasama dengan firma pemaju swasta serta syarikat pembekal utiliti, demi memudahkan rakyat memiliki rumah kediaman pertama mereka masing-masing.

"Dalam perbincangan dengan Putrajaya baru-baru ini, di peringkat Pusat dan kebanyakan negeri lain masih belum ada dasar yang jelas mengenai pembinaan rumah mampu milik (RMM), sedangkan di Pulau Pinang kita sudah laksanakan, sejak sekian lama.

"Malah, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, ketika kunjungannya ke Pulau Pinang turut memuji langkah kita dan beliau turut menyatakan Pulau Pinang sepatutnya menjadi contoh kepada negeri lain," katanya menjawab soalan wartawan pada sidang media di sini pada 23 Januari 2019.

Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya sedia bekerjasama serta menyambut baik hasrat Kerajaan Pusat menyediakan dasar baharu membabitkan pembinaan rumah mampu milik (RMM) atau Program Perumahan Rakyat (PPR) di Pulau Pinang.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sudah mengemukakan senarai tanah yang sesuai kepada Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan RMM dan PPR, seperti yang diminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Dasar perumahan bagi pembinaan rumah mampu milik (RMM) di Pulau Pinang sudah lama dilaksanakan sejak 10 tahun lalu, namun dasar itu dipinda mengikut suasana pasaran semasa.

"Dasar itu juga turut membabitkan kerjasama dengan beberapa pihak, termasuk Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) dan pemaju perumahan lain," jelasnya.

Memetik laporan sebuah akhbar arus perdana pada hari berkaitan, dilaporkan, Kerajaan Pusat akan membantu pemaju perumahan swasta mengurangkan kos dalam pembinaan RMM menerusi rundingan secara langsung dengan Kerajaan Negeri dan syarikat pembekal utiliti.

Zuraida dilaporkan berkata, berdasarkan unjuran 2019, Kerajaan Pusat menyasarkan sebanyak 61.9 peratus pembinaan RMM dilaksanakan di bawah Kementeriannya, manakala pihak swasta akan membangunkan sekitar 10.4 peratus.

Lanjutan itu, Menteri berkaitan turut menjelaskan bahawa Kementeriannya sedang meneliti cadangan memberi pinjaman mudah sebanyak 10 peratus kepada golongan isi rumah pendapatan 40 peratus terendah (B40) bagi meningkatkan keupayaan memiliki rumah pertama.

Melalui skim *Top Up Fund*, difahamkan, pembeli rumah dapat memohon pinjaman daripada Kerajaan Pusat dengan kadar faedah 2 peratus dan tempoh pinjaman sehingga 15 tahun.

# Jalan raya perlu ditransformasi bagi sediakan lorong khas penunggang motosikal

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**BAGAN JERMAL -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa seluruh jalan raya di negara ini perlu ditransformasikan bagi menyediakan satu lorong khusus bagi penunggang motosikal.

Menurutnya, langkah tersebut adalah perlu dalam usaha mengurangkan kadar kematian yang berpunca daripada kemalangan jalan raya.

"Kerajaan Negeri sentiasa melihat kepada tiga E iaitu '*Engineering, Education* dan *Enforcement'* untuk menambah baik keselamatan jalan raya kerana pihak Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) menghargai nyawa pengguna dan sentiasa melihat cara untuk mentransformasikan jalan raya ke arah yang lebih selamat.

"Oleh itu, disarankan agar pihak berkuasa mungkin perlu mewajibkan penunggang motosikal untuk memakai jaket keselamatan terutamanya semasa berhenti di tepi jalan bagi meningkatkan keselamatan," katanya semasa merasmikan Kempen Khas Keselamatan Jalan Raya Sempena Tahun Baru Cina Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Jermal di sini 21 Januari lalu.

Berucap sebelum itu, Pengarah JKJR Pulau Pinang, M. Thurkahthevi.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Soon Lip Chee; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ketua Seksyen Pengangkutan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Lim Hock Seng; Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Marini Baharuddin; Pegawai Penerangan SPU, Nurazreen Ab. Rahman; Jurutera Daerah dan Jabatan Kerja Raya SPU, Ir. Shafizan Md. Noor;

Pengurus Besar Boon Siew Honda Sdn. Bhd., Keiichi Yasuda; Timbalan Presiden Boon Siew Honda Sdn. Bhd., May Law Siew Hwa; Pengurus Jualan (Wilayah Utara), Petronas Dagangan Berhad, Tariq Ashra Sulaiman turut hadir.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa berdasarkan statistik dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 80 peratus kes kemalangan jalan raya adalah berpunca daripada sikap pemandu selain faktor lain seperti cuaca serta keadaan jalan raya.

"Mengikut statistik PDRM, jumlah kemalangan jalan raya di Pulau Pinang meningkat daripada 42,244 kes pada tahun 2016 kepada 43,007 kes pada tahun 2017, manakala bilangan kematian pula mencatatkan penurunan daripada 411 kes kepada 401.

"Berdasarkan statistik, saya percaya bahawa tumpuan utama dalam usaha untuk mengurangkan bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya adalah lebih bergantung kepada sikap pengguna jalan raya sendiri.

"Justeru, kita tidak boleh memandang ringan terhadap kempen kesedaran jalan raya kerana inisiatif seperti ini sememangnya membantu kerajaan dalam misi mengurangkan kadar kemalangan terutamanya yang berpunca daripada sikap pemandu," ujarnya.

Difahamkan, hampir 1,000 jaket keselamatan sumbangan Boon Siew Honda diagihkan kepada penunggang motosikal pada program berkaitan.

Selain itu, program tersebut turut dimeriahkan dengan pemeriksaan motosikal secara percuma, semakan saman oleh kenderaan bergerak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan pelbagai lagi.

Sementara itu, menjawab soalan pemberita berhubung cadangan pembinaan penghadang yang lebih tinggi bagi mengelakkan kemalangan maut di Jambatan Pulau Pinang, Kon Yeow menjelaskan bahawa perkara tersebut memerlukan kajian terperinci daripada pihak-pihak berwajib.

"Saya minta pihak Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan pihak Jambatan Pulau Pinang termasuk Jambatan Kedua (Pulau Pinang) untuk mengkaji sama ada penghadang yang ada sekarang sudah cukup tinggi atau tidak mengikut piawaian yang ditetapkan," katanya merujuk kepada insiden kemalangan pada 20 Januari lalu yang menyebabkan sebuah kereta terjunam ke dalam laut.

## Exco Kesihatan harap lebih ramai belajar CPR, AED

**SERI DELIMA -** Sejak tahun 2015, kira-kira 20,000 rakyat pelbagai lapisan umur dilatih kaedah melakukan bantuan pernafasan kecemasan (CPR) dengan menggunakan *Automatic External Defibrillator* (AED) di Pulau Pinang.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin bagaimanapun berharap lebih ramai lagi terutama orang muda mempelajari kaedah CPR supaya dapat membantu anggota keluarga ataupun rakan yang menghadapi serangan jantung secara tiba-tiba, kelak.

"Kita ada peluang yang sangat kecil, beberapa minit sahaja, untuk menyelamatkan mangsa serangan jantung.

"Di Malaysia, kadar survival kurang daripada satu peratus sahaja, justeru, kemahiran CPR dan AED juga mesti dipelajari semua," ujarnya pada Majlis Penyerahan Serta Latihan CPR & AED Mega di sini pada 26 Januari 2019.

Paderi Joachim Robert dan Ketua Pasukan Kecemasan Gereja, Dr. Ramona Edel antara yang hadir pada majlis perasmian tersebut.

Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya menyatakan bahawa Pulau Pinang mesti seperti negara Singapura, dengan kemudahan AED disediakan begitu banyak di tempat-tempat awam.

"Kita boleh menemukan begitu banyak AED di Singapura, di lapangan terbang, pusat membeli-belah dan flat HDB.

"Kita sedang usaha menyediakan suatu undang-undang kecil dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memperbanyak lagi pemasangan AED di kawasan-kawasan awam seperti rumah ibadat, kawasan perumahan, pejabat kerajaan dan institusi swasta.

"Kita mahu mencipta revolusi dalam masyarakat kita, jika anda mendapati alat pemadam api ada di semua bangunan, anda juga boleh mencari AED.

"Sama ada Melayu, Cina, India atau apa jua bangsa, semua kita nak mewujudkan masyarakat yang lebih baik daripada segi kualiti hidup, kita mahu Pulau Pinang jadi tempat paling selamat untuk semua," jelasnya sambil menganggap penyediaan AED berkenaan adalah selaras dengan wawasan pembangunan jangka panjang negeri selama 11 tahun sehingga 2030 iaitu *Penang2030*.

Difahamkan, AED biasa boleh dibeli dengan harga RM8,000, sementara harga AED mewah antara RM10,000 hingga RM12,000.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang buat kali pertama melancarkan kempen belajar CPR dengan menggunakan AED adalah pada 7 September 2015 dan pemasangan AED pertama di Komtar pada 20 Disember tahun sama.

## Projek pengindahan lorong sisi dan belakang, Exco alu-alukan penglibatan swasta

**GEORGE TOWN –** Dahulunya keadaan di beberapa lorong sisi serta lorong belakang di sekitar bandar raya ini adalah agak suram dan tidak menarik, malah ada yang berbau.

Namun, persepsi itu berubah apabila lorong-lorong sisi dan belakang berkenaan bertukar menjadi lebih ceria, hijau dan selamat untuk pejalan kaki melalui projek pengindahan yang dilaksanakan oleh pihak berwajib.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan teruskan inisiatif pengindahan lorong sisi dan belakang di negeri ini.

"Pengindahan lorong sisi dan belakang ini bukan sahaja akan memberikan keselesaan kepada orang awam yang menggunakan laluan–laluan ini sebagai laluan pejalan kaki utama bahkan menyediakan lorong selamat untuk golongan berkaitan.

"Kerajaan Negeri harap dengan pelaksanaan projek-projek pengindahan ini akan membawa satu imej dan menghidupkan suasana segar dan menghijau," ucapnya pada Majlis Perasmian Penyempurnaan Projek Lorong Sisi yang terletak antara Bangunan Bank of China dan Bank HSBC dekat Lebuh Pantai di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bank of China (M) Berhad, Qiu Heng Chang; Konsul Jeneral People's Republic of China di Pulau Pinang, Konsul Gong You Ying serta barisan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Difahamkan, projek tersebut dilaksanakan oleh *Bank of China* melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan siap sepenuhnya pada bulan November tahun lalu.

Selain lorong sisi antara bangunan *Bank of China* dan *Bank HSBC* yang menghubungkan Lebuh Pantai ke Weld Quay, beberapa lorong sisi dan lorong belakang yang ditransformasikan menjadi taman poket adalah:

i. Lorong belakang Lebuh Armenian dan Lebuh Acheh.

ii. Lorong belakang yang menghubungkan Jalan Magazine dan Jalan Gurdwara.

iii. Lorong belakang yang menghubungkan Lebuh Keng Kwee dan Jalan Dr. Lim Chwee Leong, dan

iv. Lorong belakang yang menghubungkan Jalan Dr. Lim Chwee Leong dan Jalan Cheong Fatt Tze (masih dalam pemajuan).



**LALUAN basikal turut disediakan kepada umum di lorong sisi antara Bangunan Bank of China dan Bank HSBC dekat sini.**

Jagdeep, dalam pada itu turut mengalu-alukan mana-mana pihak swasta yang berminat supaya tampil untuk melaksanakan projek pengindahan lorong sisi dan lorong belakang di sekitar bandar raya ini secara CSR.

"Pihak Majlis (MBPP) akan mengenal pasti mana-mana lorong sisi serta lorong belakang yang bersesuaian untuk dinaik taraf dan kita (Kerajaan Negeri) berharap mendapat kerjasama daripada pihak swasta untuk menjayakannya.

"Hal ini kerana, projek ini juga mampu memberikan impak sosial yang positif dan tarikan baharu di sesuatu lokasi itu, sekaligus mengubah persepsi negatif umum tentang lorong sisi serta belakang," katanya.

# Meriam, mortar lebih 200 tahun mampu lengkapkan data sejarah awal Kota Cornwallis

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Masing-masing selaras meriam dan mortar ditemui semasa kerja-kerja ekskavasi dijalankan pada struktur pertahanan luar dan terusan yang mengelilingi Kota Cornwallis di sini pada 25 Januari lalu.

Penemuan terbaru oleh penyelidik-penyelidik Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM (Universiti Sains Malaysia) itu mampu melengkapkan data sejarah awal kota lama tersebut.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika hadir melawat tapak penemuan sejarah tersebut berharap supaya penemuan bersejarah itu mampu menguatkan lagi bukti sejarah Kota Cornwallis yang pernah diduduki British yang kemudiannya telah ditakluk oleh Jepun.



RUPA bentuk meriam dan mortar yang ditemui.

"Ini merupakan warisan yang perlu dipelihara.

"Tahun lalu, pasukan sama dari USM telah menemui dua laras meriam ketika kerja-kerja korekan dilakukan di bahagian barat Kota Cornwallis.

"Meriam-meriam yang dijumpai (tahun lalu) telah pun dihantar ke USM untuk kerja-kerja pembersihan bagi analisis selanjutnya bagi mengetahui asal-usulnya dan tahun ia dibuat, seterusnya untuk pemuliharaan," ujarnya sambil menyatakan bahawa perkembangan menganalisis meriam-meriam berkaitan telah mencapai 60 peratus.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM, Prof. Datuk Dr. Mokhtar Saidin dan Timbalan Pengarahnya, Dr. Valet Anak Bujeng.

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM telah menerima geran daripada Kerajaan Negeri dan diberikan kebenaran daripada Jabatan Warisan Negara untuk menjalankan kajian dan kerja ekskavasi di tapak Kota Cornwallis sehingga bulan November tahun ini bagi mengenal pasti serta mencungkil data-data yang lebih lengkap mengenai kota berusia 232 tahun tersebut.



KETUA Menteri sambil ditemani Dr. Mokhtar Saidin (dua dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan ke tapak penemuan artifak-artifak bersejarah di Kota Cornwallis dekat sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN artifak yang telah dibersih serta dilabelkan.

Mengulas lanjut mengenai penemuan sejarah terbaru tersebut, Mokhtar Saidin berkata, berdasarkan kajian yang dilakukan pihaknya, berkemungkinan besar lebih 100 laras meriam dan mortar (10) masih tertanam di sekitar kota tersebut.

"Penemuan meriam dan mortar ini bersebelahan di antara satu sama lain dan ia akan dihantar ke USM untuk tujuan pemuliharaan dan analisis selanjutnya.

"Kedua-dua artifak ini dianggarkan berusia lebih 200 tahun iaitu pada zaman King George British sekitar tahun 1780-1882," jelas beliau.

# Projek naik taraf *Fountain Garden* kembalikan nostalgia taman bersejarah era 1800

**GEORGE TOWN –** Projek pemulihan semula *Fountain Garden* bersebelahan Dewan Bandaraya dekat Padang Kota Lama yang bernilai RM400,000 telah siap sepenuhnya, dan dibuka secara rasminya kepada umum baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang hadir menyempurnakan majlis perasmian berharap, kerja-kerja pemulihan yang dilaksanakan mengikut skop susun atur dan reka bentuk asal 'Taman Pancur' berkenaan pada era 1800 dapat mengembalikan nostalgia taman bersejarah berkenaan di Pulau Pinang.

"*Fountain Garden* ini yang pernah menjadi masyhur suatu ketika dulu telah berada di sini hampir 135 tahun.

"Bagi mengembalikan nostalgia kegemilangannya pada era tersebut, usaha dan kerja pemulihan semula taman ini dilakukan dengan merujuk kepada panduan beberapa gambar dan rekod lama," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong pada majlis berkenaan.



SUASANA *Fountain Garden* yang telah siap dipulihkan mengikut rupa bentuk asal pada era 1800.

Hadir sama Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin; Teh Lai Heng (Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap ADUN Komtar); Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Dato' Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP).

Pemulihan semula taman bersejarah berkenaan adalah di atas usahasama di antara MBPP dan Perbadanan Pembangunan Pemuliharaan George Town (GTCDC) dalam usaha mengembalikan semula aset awam dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dengan kos kerja bernilai RM400,000 ditanggung oleh Think City Sdn. Bhd..

Mengulas lanjut mengenai inisiatif itu, Kon Yeow memberitahu bahawa kerja-kerja pemulihan yang dijalankan juga perlu mematuhi garis panduan ditetapkan *Florence Charter* iaitu sebuah badan yang dibangunkan pada tahun 1981 oleh *International Council on Monuments and Sites* (ICOMOS) dan diguna pakai oleh UNESCO *(The United Nations, Educational, Scientific and Cultural Organization)* bagi memulihara taman-taman bersejarah.

"George Town adalah Tapak Warisan Dunia UNESCO kerana *Outstanding Universal Values* (OUVS).

"Justeru, sebagai sebahagian daripada komitmen Kerajaan Negeri untuk mengukuhkan dan meningkatkan OUVS, kami mengikut garis panduan yang dinyatakan dalam *Florence Charter* berhubung projek ini.

"*Florence Charter* menggariskan strategi untuk pemuliharaan dan pemulihan taman-taman termasuk susun atur, tumbuh-tumbuhan dan ciri-ciri struktur serta dekoratif.

"Kerajaan Negeri serius dalam menaik taraf dan membangunkan rangkaian ruang awam hijau di negeri ini untuk meningkatkan saling hubungan, ketangkasan dan interaksi sosial," jelasnya.



RUPA bentuk asal air pancur yang disumbangkan oleh seorang ahli perniagaan terkemuka, Koh Seang Tat pada tahun 1883.

# Pembaharuan semula bandar, solusi pemilikan rumah masa hadapan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar (atau *Urban Regeneration Committee*, URC) bakal melaksanakan pembaharuan dan pembangunan semula projek-projek perumahan lama serta usang bagi menangani isu kekekangan tanah terutamanya di bahagian pulau negeri ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, pembaharuan semula bandar juga merupakan salah satu solusi dalam memastikan pemilikan rumah untuk penduduk Pulau Pinang pada masa hadapan.

"Kerja-kerja penambakan adalah norma biasa bagi sesebuah pulau dalam memastikan tanah pembangunan yang mencukupi.

"Misalnya, projek penambakan Pulau Pinang Selatan (*Penang South Reclaimation*, PSR) membolehkan keluasan tanah ditambah sehingga 1,800 hektar sebelum diambil alih dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang bagi membangunkan skim perumahan.

"Namun, di kawasan-kawasan yang berkeluasan terhad, Kerajaan Negeri melalui URC akan menggunakan pendekatan baru iaitu pembaharuan serta pembangunan semula skim perumahan lama," ujarnya pada sidang media sejurus mengedarkan kalendar tahun baharu kepada peniaga di pasar pagi Taman Free School di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer.

Mengulas lanjut, Jagdeep berkata, terdapat skim perumahan awam yang telah mencecah lebih 40 tahun, misalnya di Rancangan Perumahan Awam Padang Tembak (sejak 1969), Taman Tun Sardon (1980), Taman Free School (1983) dan Mak Mandin (1986).

"Apabila perumahan ini mencecah usia tertentu, keadaan menjadi tidak ekonomik kerana perlu diselenggara lebih kerap.

"Menyelenggara perumahan lama dan usang jauh lebih mahal daripada membangunkan semula skim-skim ini.

"Malah di Singapura, apabila setiap skim perumahan mencapai usia 30 atau 40 tahun, laporan penilaian khas mengenai keadaan bangunan perlu dibuat dan ada skim perumahan yang perlu dibangunkan semula dengan cara merobohkan dan bina semula.

"Oleh itu, URC berpendapat bahawa beberapa perumahan yang telah dikenal pasti perlu dibangunkan semula yang mana penduduk akan ditawarkan dengan unit yang lebih besar dengan tempat parkir percuma dan aspek keselamatan serta kemudahan lebih baik.

"(Dan) ini menjadi hasrat Kerajaan Negeri dalam menyediakan lebih banyak perumahan awam bagi penduduk Pulau Pinang pada masa hadapan," jelasnya yang mahu isu perumahan ditangani secara holistik dan bermanfaat kepada rakyat.

Berdasarkan kaji selidik yang dilaksanakan di Taman Mahsuri misalnya, lebih 90 peratus penduduk bersetuju dengan inisiatif pembaharuan semula bandar ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan memastikan projek tersebut dilaksanakan dalam waktu terdekat ini.

"Cuma satu kekangan yang menjadi isu di Malaysia, iaitu kita tidak mempunyai garis panduan perundangan yang jelas tentang cara menangani minoriti penduduk yang tidak mahu projek tertentu dilaksanakan.

"(Dan) perkara ini saya telahpun kemukakan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin untuk mengkaji, dan jika perlu meminda undang-undang sedia ada bagi menangani isu ini," katanya.

Difahamkan, rumah pangsa di Taman Mahsuri, Bayan Baru akan menjadi perintis dalam pelaksanaan pembaharuan semula bandar.

"Kos projek masih belum diketahui, walaupun begitu, saya jamin melalui pembaharuan semula bandar ini, penduduk akan menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

"(Hal ini kerana) pembaharuan dan pembangunan semula bandar ini bukan sahaja akan meningkatkan taraf kehidupan dan keselesaan penghuninya, malah juga meringankan bebanan Kerajaan Negeri secara efektif," tambah beliau.



JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) dan R.S.N. Rayer (berbaju merah) mengedarkan kalendar tahun baharu kepada salah seorang peniaga di sini baru-baru ini.

## Laksana Projek Hentian Bas Pintar pertama dalam negara

**GEORGE TOWN –** Sebanyak dua stesen bas di negeri ini bakal menjadi perintis bagi pelaksanaan Projek Hentian Bas Pintar pertama di Pulau Pinang dan juga dalam negara.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, hentian bas pintar tersebut bakal dibangunkan edotco (M) Sdn. Bhd. (edotco) di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat terbabit dalam menyokong usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar raya pintar.

Menurutnya, edotco akan membina dua hentian bas pintar sebagai *proof of concept* (PoZ) di kawasan Air Itam iaitu berhadapan Masjid Negeri dan di Lengkok Tenggiri, Seberang Jaya.

"Projek hentian bas pintar ini adalah selaras dengan visi menjadikan negeri ini sebuah bandar raya antarabangsa pintar menjelang tahun 2025.

"Hentian bas pintar ini adalah bagi menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam di Pulau Pinang, selain itu ia juga menyediakan maklumat kepada orang ramai mengenai laluan dan jadual bas.

"Hentian bas pintar ini merangkumi beberapa komponen seperti panel aras bumbung, sensor pendawaian, WiFi, CCTV (kamera litar tertutup), direktori digital, pengecasan pod USB, tombol panik, papan pengiklanan digital dan beberapa ciri terkini yang lain," ujar beliau pada sidang media pengumuman inisiatif berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Penolong Setiausaha Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Bahagian Kerajaan Tempatan, Nur 'Aishah Md. Norodin dan Ketua Pegawai Eksekutif edotco, Suresh Sidhu.

Menurut Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, terdapat lima domain dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar raya antarabangsa bertaraf pintar iaitu Kerajaan Pintar, Komuniti Pintar, Alam Sekitar Pintar, Mobiliti Pintar dan Ekonomi Pintar.

"Kerajaan Negeri juga mempunyai empat teras strategi iaitu pentadbiran, infrastruktur, data dan orang ramai untuk membangunkan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya mampan menerusi inisiatif tadbir urus pintar.

"Semasa, kita juga telah mengenal pasti 22 inisiatif pintar yang dilaksanakan oleh pelbagai jabatan dan agensi di Pulau Pinang seperti *Penang Geo Hub, Crush Aedes Totally* (CAT), Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL), *Link Bike*, Pusat Operasi Pintar (IOC), Sistem Pemantauan Pintar, Sistem Amaran Pemantauan Tahap Air, *Trash2Treasure, SteamX* dan lain-lain.

"Malah, terdapat sembilan inisiatif pintar yang turut dirancang seperti *Smart Parking System, Smart City of Penang* (SCoPe), Hentian Bas Pintar, *Smart LED Light* dan lain-lain lagi," jelasnya.



# Bantuan pelajar kurang mampu Bagan diteruskan

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA -** Menteri Kewangan, Lim Guan Eng mengagihkan Bantuan Pelajar Miskin Sekolah Rendah dan Menengah Bagi Parlimen Bagan kepada 660 penerima terpilih daripada 22 sekolah.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan memberitahu bahawa agihan bantuan adalah berjumlah RM100 seorang ataupun jumlah keseluruhan RM66,000.

"Sejak tahun 2011 lagi program ini dilaksanakan tiap-tiap tahun, dahulu menggunakan peruntukan saya sebagai Ketua Menteri, sekarang (menggunakan peruntukan saya) sebagai Ahli Parlimen Bagan," jelasnya pada majlis berkaitan di sini 27 Januari lalu.

Turut berucap, Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal dan ADUN Bagan Dalam, M. Satees.

Hadir sama, Exco Kebajian & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga ADUN Sungai Puyu.



LIM Guan Eng (tengah, berkemeja biru) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama sebahagian penerima sumbangan di sini baru-baru ini.

## Dewan Banquet Ampang Jajar bakal beri impak ekonomi Seberang Perai

**BAGAN JERMAL –** Pembangunan Dewan Bankuet Ampang Jajar diyakini mampu memberi impak kepada ekonomi setempat khususnya dalam penganjuran majlis-majlis perhimpunan, mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) di kawasan Seberang Perai kelak.

Ahli Parlimen Bagan yang juga Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, pembinaan dewan bankuet berskala besar berkenaan adalah tepat pada masanya memandangkan hab pengangkutan awam bagi wilayah utara, Penang Sentral (PS) kini telah beroperasi.

Jelasnya, ia (PS) dapat membawa limpahan pelancong dan orang ramai ke kawasan berkenaan.

"Dengan jaringan pengangkutan sedia ada dan jalinan jalan raya utama, projek pembangunan ini bukan sahaja penting untuk kawasan Bagan dekat Butterworth, tetapi seluruh kawasan Seberang Perai dan wilayah utara," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih bersempena sesi lawatan tapak di sini 20 Januari lalu.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan merangkap ADUN Bagan Jermal, Soon Lip Chee, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), M. Satees (ADUN Bagan Dalam) dan Ir. Hartini Ali (Timbalan Pengurus Besar I Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC).

Projek bernilai RM50 juta di bawah peruntukan PDC berkenaan kini telah mencapai kemajuan kira-kira 45 peratus dan dijangka siap sepenuhnya hujung tahun ini.

Difahamkan, ia bakal memuatkan sehingga 350 meja (bahagian dalam) pada satu-satu masa dan bahagian luar (50 meja).

Menurut Guan Eng, pembiayaan daripada PDC itu merupakan benih pelaburan *(seed investment)* supaya boleh menarik lebih banyak pelaburan ke kawasan berkenaan.

"Dengan *burning investment* atau *seed investment* ini, ia mampu menarik lebih banyak pelaburan, peluang perdagangan dan juga peluang pelancongan ke kawasan ini," jelasnya.



RUPA bentuk Dewan Bankuet Ampang Jajar yang masih dalam proses pembinaan.

## Masyarakat diseru manfaatkan kemudahan Hub Digital @PPAPP

**SEBERANG JAYA –** Seiring dengan perkembangan teknologi kian pesat kini, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) memperkenalkan perkhidmatan Hub Digital @ PPAPP sebagai platform kepada semua perkhidmatan atas talian.

Pengarahnya, Sharimah Salleh berkata, terdapat 15 pangkalan data disediakan di bawah perkhidmatan tersebut yang boleh diakses di seluruh negara melalui telefon pintar tanpa memerlukan pengguna berkunjung ke perpustakaan.

"Hub Digital @PPAPP sudah lama dibina iaitu sejak tahun 2018, tetapi sambutan yang diterima daripada masyarakat adalah kurang memberangsangkan iaitu daripada jumlah 65,000 pengguna internet, hanya 721 pengguna (satu peratus) sahaja yang mengakses pangkalan data tersedia.



SOON Lip Chee (kiri sekali) sambil ditemani Sharimah Salleh (kanan sekali) menunjukkan info Hub Digital @PPAPP pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Sedangkan perkhidmatan ini mampu memberi impak yang besar kepada masyarakat kerana mereka bebas membuat rujukan tanpa sempadan masa serta tempat.

"Oleh itu, kita (PPAPP) amat berharap agar perkhidmatan ini dapat diuar-uarkan supaya peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan ini mampu dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat di negeri ini," katanya pada sidang media di sini 4 Januari lalu.

Turut serta, Exco Belia dan Sukan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Soon Lip Chee dan Pustakawan, Syariful Nahar Mat Saad.

Mengulas lanjut, Sharimah menjelaskan bahawa Hub Digital @ PPAPP menawarkan sebanyak 12,992 *e-Book*, jurnal (70,452), artikel (5,048,107), biografi (9,162), teks ucapan (9,712) serta lebih 2,000 capaian sumber rujukan yang terkandung di dalam 15 pangkalan data utama tersebut dan boleh dimuat turun secara percuma melalui *Play Store* serta *iTunes Store*.

"Kita (PPAPP) juga membangunkan *e-Book* sendiri untuk menyimpan koleksi-koleksi lama mencecah usia 300 tahun selain keratan-keratan akhbar semasa zaman penjajahan Jepun yang dibuat dalam bentuk digital.

"Terdapat juga koleksi gambar-gambar lama Pulau Pinang yang boleh diakses oleh semua masyarakat," jelasnya.

Dalam pada itu, Lip Chee yang merupakan Ahli Jawatankuasa Pemilihan Buku dan Pelupusan PPAPP memberitahu bahawa inisiatif yang disediakan itu dapat memberi kemudahan kepada semua pihak selain mampu menggalakkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

Difahamkan, semua pangkalan data yang tersedia di Hub Digital @PPAPP adalah terdiri daripada *Overdrive, e-Law, Emerald Publishing, www.lawnet.com.my, iG Library, BLIS* (Infolink Bernama), e-Lib *(e-Sentral)*, *Mason Crest* (MC), BOND *(Benchmarking Online Networking Database)*, *Program Score-A, Worldcat* (OCLC), *IFN Islamic Finance news, Ookbee Buffet* (Baca Tanpa Had), Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang *(e-Book)* serta *Alkem Digital Library*.

Setiap pangkalan data boleh diakses melalui komputer atau telefon pintar menggunakan kata laluan yang boleh didapati di laman sesawang *http://www.penanglib.gov.my*.

# Kerajaan Negeri, Jabatan Warisan Negara sedia bekerjasama jadikan boria warisan hidup dunia

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Dalam usaha mengangkat martabat seni kebudayaan kebanggaan Pulau Pinang, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menjadikan boria sebagai warisan dunia.

Perkara tersebut disuarakan Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin pada Majlis Peluncuran Buku, Boria: From Passion Play To Malay-Jawi Peranakan Parody di sini 19 Januari lalu.

"Saya difaham bahawa Pertubuhan Jawi Peranakan mencadangkan agar boria disenaraikan sebagai warisan hidup UNESCO, dan Kerajaan Negeri akan berusaha membantu pertubuhan ini menjayakan cadangan yang hebat tersebut.

"Saya juga amat bangga dengan bangsa Melayu dan Jawi Peranakan dalam mempertahankan seni warisan hidup mereka yang beraneka budaya serta muhibah sebagaimana yang terdapat di George Town ini," ucapnya pada majlis peluncuran berkaitan.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, Datuk Zainah Ibrahim; Presiden Pertubuhan Jawi Peranakan Pulau Pinang merangkap penulis buku, Datuk Dr. Wazir Jahan Karim; Pengerusi Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG), Tan Sri Datuk Seri Yussof Latiff dan mantan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

Tambah Soon Hin, Kerajaan Negeri dalam pada itu turut berharap lain-lain bangsa dan kaum di negeri ini juga dapat mempertahankan tradisi budaya masing-masing kerana ia merupakan suatu warisan yang tidak ternilai untuk tatapan generasi akan datang.

"Sebagai contoh, boria adalah warisan Melayu dan Jawi Peranakan, chingay (Hokkien), nasi kandar (India Muslim) dan tarian bangra (Sikh), justeru, budaya ini seharusnya dipelihara agar ia terus hidup," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Soon Hin dalam pada itu turut menzahirkan rasa bangga kerana Pulau Pinang dianugerahkan seorang cendiakawan Sains Kemasyarakatan seperti Wazir Jahan yang mampu mengangkat dan memajukan ilmu serta penulisan buku boria ke peringkat antarabangsa.

Serentak itu, Zainah dalam ucapannya menyatakan kesediaan pihaknya untuk bekerjasama dengan Pertubuhan Jawi Peranakan Pulau Pinang dalam membawa boria ke peringkat budaya warisan hidup nasional dan dunia.




**YEOH Soon Hin (berdiri, tiga dari kiri), Dr. Wazir Jahan Karim (berdiri, enam dari kiri) dan pihak-pihak berkaitan merakam gambar kenangan sejurus Majlis Peluncuran Buku, Boria: From Passion Play To Malay-Jawi Peranakan Parody di sini baru-baru ini.**

## '*Foldies on Rapid*' pertama dalam negara

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui usahasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) selaku pengendali perkhidmatan bas henti-henti awam di negeri ini mengambil inisiatif memperkenalkan '*Foldies on Rapid*'.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, inisiatif berkaitan membolehkan pengguna basikal lipat *(folding bicycle)* menaiki serta menggunakan perkhidmatan bas awam.

'Banyak inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menggalakkan rakyat menggunakan basikal, bukan sahaja untuk kesihatan, malah juga bagi mencapai hasrat menjadi 'Negeri Berbasikal Pertama' di Malaysia.

"(Dan) kini, kita (Pulau Pinang) mencatat lagi satu sejarah apabila menjadi negeri pertama di Malaysia yang memperkenalkan inisiatif '*Foldies on Rapid*' ini," ujarnya pada sidang media sejurus pelancaran majlis berkaitan dekat Terminal Bas Komtar di sini 19 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali; Pengarah Kejuruteraan MBPP, Ir. A. Rajendran dan Naib Presiden Kanan Rapid Penang, Osman Amir.

Mengulas lanjut, Jagdeep menyatakan bahawa inisiatif berkaitan juga adalah sebagai menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan awam untuk ke suatu-suatu tempat berbanding menggunakan kenderaan persendirian.

"Dengan adanya perkhidmatan sebegini, orang ramai boleh menggunakan basikal dari tempat kediaman ke perhentian bas terdekat untuk menaiki bas Rapid (Penang) ke destinasi diingini.

"Saya difahamkan, sebanyak 200 bas Rapid (Penang) seluruh negeri iaitu di bahagian pulau dan Seberang Perai menyediakan kemudahan ini," katanya yang turut teruja menyambut kumpulan pertama pengguna '*Foldies on Rapid*' sebagai gimik pelancaran perkhidmatan berkenaan.

Dalam pada itu, Osman ketika ditemui memberitahu bahawa pihaknya mempunyai kira-kira 300 bas yang beroperasi di seluruh negeri, dan 200 daripadanya digunakan untuk menjayakan inisiatif berkaitan.

"Bagi mereka yang mempunyai basikal lipat sahaja boleh menggunakan perkhidmatan ini yang akan berkongsi ruang bersama-sama orang kurang upaya (OKU).

"Jadi, sila lihat pada tanda atau pelekat OKU di bas yang berkaitan sebelum menaikinya, dan tambang perjalanan biasa dikenakan ke atas penumpang dan bukannya basikal lipat yang dibawa," jelasnya.

Difahamkan, sebanyak lima hingga 10 unit basikal lipat boleh dimuatkan dalam setiap bas bergantung kepada kekosongan di ruangan OKU.

Sekiranya ruangan OKU diduduki, maka jumlah basikal lipat yang boleh dimuatkan juga berkurangan.

"Suka saya tegaskan di sini bahawa pihak Rapid Penang akan memberikan keutamaan kepada golongan OKU untuk menggunakan perkhidmatan bas berbanding pengguna basikal.

"(Dan) hanya basikal lipat sahaja dibenarkan untuk menaiki bas," ujarnya lanjut.

Sementara itu, rata-rata pengguna basikal lipat yang ditemui teruja menggunakan perkhidmatan '*Foldies on Rapid*' tersebut.

Malah, mereka turut berterima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Rapid Penang kerana menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam, bukan sahaja untuk orang ramai malah juga penunggang basikal lipat di negeri ini.



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) dan Teh Lai Heng (kanan sekali) menyambut kumpulan pengguna perkhidmatan *'Foldies on Rapid'* pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**



# Satu lagi projek tebatan banjir dilaksana di Taman Sejahtera

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**MACHANG BUBUK –** Satu lagi projek tebatan banjir bakal dilaksana di Lorong Sejahtera 11 dekat Taman Sejahtera sebagai inisiatif bagi mengatasi kejadian banjir kilat yang kerap berlaku akibat hujan lebat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon menjelaskan bahawa pihaknya kini dalam proses melantik perunding bagi menjalankan kajian terperinci mengenai perkara tersebut.

"Sebelum ini, kita sudah jalankan kerja-kerja ukur aras dan mengambil butiran utiliti yang telah siap pada 21 Disember tahun lepas.

"Sekarang, kita masih dalam proses melantik perunding untuk menjalankan kajian serta membuat reka bentuk parit yang mana kos untuk kajian sahaja akan menelan belanja kira-kira RM157,000.

"Tempoh kajian pula dijadualkan bermula Mac ini sehingga Mac 2020 iaitu memakan masa selama satu tahun," katanya pada sidang media di sini 16 Januari lalu.

Turut serta, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ong Jin Cheng dan Setiausaha Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Sejahtera, K. Preedeeb.

Dalam pada itu, Khai Loon juga memberitahu bahawa beberapa projek menaik taraf sistem saliran telah siap dilaksanakan tahun lalu yang dilihat berjaya mengatasi masalah banjir kilat dekat Lorong 1 dan Lorong 2 dekat taman berkenaan.

"Tahun lepas, kita laksanakan projek menaik taraf saluran keluar kolam takungan Taman Sejahtera dengan kos sebanyak RM12,300 melibatkan kerja-kerja membekal dan memasang sesiku 'L' untuk melebarkan laluan keluar aliran air dari kolam takungan ke Jalan Sejahtera.

"Manakala satu lagi projek adalah membekal serta memasang kotak pembetung, longkang saliran 'U' dan pintu air di susur jalan (Taman) Sejahtera dengan kos RM21,200 selain kerja-kerja membaiki lantai parit di tepi Jalan Sejahtera 5 dengan kos RM10,000," ulasnya lanjut.



**LEE Khai Loon (duduk) meninjau salah satu projek tebatan banjir dekat Taman Sejahtera di sini baru-baru ini.**




| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Program-Program Emas




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |

## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

# Terokai potensi industri akuakultur demi jana pendapatan lebih lumayan



**BANGUNAN CEMACS yang terletak di Teluk Bahang.**

**TELUK BAHANG –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyifatkan bahawa potensi industri akuakultur di Pulau Pinang sebagai potensi yang masih belum diterokai sepenuhnya.

Justeru katanya, nelayan dan penggiat industri akuakultur perlu merebut peluang berkenaan yang dilihat mampu menjana pendapatan lebih lumayan kepada golongan berkaitan.

"Akuakultur sebenarnya boleh diperkenalkan kepada nelayan sebagai pendapatan tambahan, mungkin juga jadi pendapatan utama yang lebih lumayan selain bergantung kepada laut terbuka yang semestinya ada risiko.

"Industri akuakultur khususnya tiram, masih belum diterokai sepenuhnya lagi di sini, dan menerusi kajian oleh CEMACS (Pusat Kajian Samudera dan Pantai) Universiti Sains Malaysia (USM) ini, saya yakin industri ini mampu dikembangkan lagi," ujarnya ketika melakukan lawatan sulung ke CEMACS di Teluk Bahang pada 18 Januari lalu.

Turut hadir, Pengarah CEMACS, Prof. Datuk Dr. Aileen Tan Shau Hwai dan Profesor Biologi dan Marin USM, Dr. Zulfigar Yasin.

Menurut Afif, setakat ini, industri akuakultur di Pulau Pinang menjana pendapatan tertinggi dalam negara berbanding negeri-negeri lain dengan nilai RM1.3 bilion setahun.

"Difahamkan, keperluan produk utama akuakultur iaitu tiram di Malaysia mendapat permintaan tinggi, namun cuma 14 peratus berjaya dipenuhi, selebihnya diimport dari New Zealand dan Australia.

"Kepada yang berminat boleh hubungi terus pejabat saya atau CEMACS untuk memulakan serta meneroka industri baharu ini.

"Saya juga lihat Sungai Muda dan Sungai Kerian ada potensi besar untuk dimajukan sebagai industri akuakultur ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Dalam pada itu, Shau Hwai memberitahu bahawa sehingga kini, Pulau Pinang umumnya adalah 'johan' dalam penerokaan industri akuakultur.

"Dalam penerokaan industri akuakultur, kami tidak mengabaikan kelestarian alam sekitar.

"Sebenarnya, peluang memperkasakan industri akuakultur adalah sesuatu yang sangat bagus, kami di USM boleh membantu mana-mana individu yang ingin mengusahakannya.

"Perusahaan akuakultur ini juga sebenarnya dapat menjamin *food security* dalam negara terutamanya melibatkan moluska seperti tiram yang sentiasa mendapat permintaan tinggi serta mampu menghasilkan punca pendapatan tinggi dan alternatif kepada nelayan tempatan," katanya.

Dalam lawatan tersebut, Afif dibawa melawat pusat kajian dan ternakan akuakultur seperti tiram, rumpai laut, belangkas, kerang, timun laut, batu karang dan muzium marin.



**RUPA bentuk kerang yang diternak.**

Lanjutan itu, penulis dan jurugambar Buletin Mutiara turut diberi penerangan khas oleh Zulfigar yang berpengalaman puluhan tahun dalam sektor akuamarin melibatkan batu karang dan hidupan-hidupan laut lain.

Menurut Zulfigar, manusia sejagat sememangnya perlu menjaga kelestarian alam sekitar agar kita tidak kehilangan khazanah laut yang indah seperti dinikmati hari ini.

"Dalam 20 ke 30 tahun akan datang, dunia akan kehilangan lebih 50 peratus khazanah laut seperti batu karang dan hidupan-hidupan unik lain seperti apa yang ada kini.

"Salah satu sebabnya adalah perubahan suhu air laut ekoran pemanasan global yang sedang dihadapi oleh dunia sekarang. Walaupun pencemaran berlaku di darat, namun kesannya mampu menjangkau sehingga menjajaskan kehidupan di laut," ujarnya.

Buletin Mutiara ketika lawatan berkaitan juga sempat bertanyakan mengenai lokasi batu karang tercantik di dunia, tanpa berfikir panjang, Zulfigar terus menamakan Malaysia sendiri.

"Karang tercantik di dunia sememangnya terdapat di kawasan Asia Tenggara... lebih tepatnya adalah Malaysia sendiri.

"Pulau Pinang pun ada batu karang, tetapi saya sarankan baiklah pergi ke Terengganu untuk menikmati keindahan batu karang kerana di sana lebih cantik," maklum beliau.

Difahamkan selat selatan Pulau Pinang iaitu berhampiran Pulau Kendi mempunyai batu karang cuma ianya tidak banyak dan tidak secantik Terengganu. Tambahan pula, keadaan laut di sini agak tidak sesuai untuk aktiviti melihat karang.

"Kita mungkin generasi terakhir yang dapat melihat keindahan karang-karang laut ini sekiranya kita tidak berbuat apa-apa dalam menyelesaikan perubahan suhu global ini," tegas Zulfigar.



**DR. Aileen Tan Shau Hwai (kanan sekali) dan salah seorang kakitangan CEMACS menunjukkan spesies tiram yang diternak kepada Dr. Afif Bahardin (tengah) bersempena lawatan khas Exco berkaitan baru-baru ini.**



**DR. Zulfigar Yasin menunjukkan salah satu spesies karang laut yang dipamerkan di Muzium CEMACS.**

# Penang Hot Air Balloon Fiesta akan terus tercatat dalam kalendar pelancongan Negeri



SEBAHAGIAN daripada 15 belon udara panas yang dipamerkan. (Gambar: PGT)



D R . Abdul Rahman Abbas sambil diiringi Ketua Menteri dan Yeoh Soon Hin ceria menerima cenderamata yang diserahkan oleh Ooi Chok Yan kepada beliau pada Majlis Perasmian Penang Hot Air Balloon Fiesta 2019 di sini baru-baru ini.



BELON udara panas mini yang turut dipamerkan.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**KEBUN BUNGA –** Hujan yang turun sejak lewat petang ternyata tidak menjadi penghalang kepada ribuan pengunjung untuk sama-sama memeriahkan perasmian penganjuran *Penang Hot Air Balloon Fiesta 2019* dekat Padang Polo di sini.

Pelbagai ragam pengunjung dapat dilihat sementara menanti acara kemuncak yang disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Ada dalam kalangan pengunjung yang tidak berganjak dari pentas utama dan ada juga yang tidak mahu melepaskan peluang merakam kenangan dengan deretan belon udara panas yang dipamerkan.

Malah, aktiviti seperti *trampolin, inflatable bouncer, reverse bungee*, membuat belon buih gergasi serta gerai jualan turut mendapat sambutan luar biasa.

Menariknya, fiesta yang memasuki tahun kelima berkaitan sarat dengan gimik perasmian apabila Abdul Rahman diberi penghormatan untuk mengetuk drum LED sebanyak lima kali sebagai simbolik ulang tahun kelima penganjurannya diikuti dengan percikan bunga api ke udara.

Sementara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memperkenalkan tarikan pelancongan baru di negeri ini.

"Sektor pelancongan amat penting memandangkan ia juga menjadi penyumbang utama terhadap pertumbuhan ekonomi di negeri ini.

"Saya berharap dengan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri, ia akan merancakkan lagi sektor pelancongan di negeri ini dan saya mahukan Fiesta Belon Udara Panas Pulau Pinang ini terus tercatat dalam kalendar pelancongan Pulau Pinang," ujarnya.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan & Kesenian, Yeoh Soon Hin; barisan Exco Kerajaan Negeri; Ketua Pegawai Eksekutif AKA Balloon Sdn. Bhd., Izzati Khairuddin dan Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism (PGT), Ooi Chok Yan.

Antara kelainan pada penganjuran kali ini adalah dengan membawa belon udara panas baharu dari Eropah serta beberapa dari Sepanyol, Slovakia, Belgium, Jepun, Taiwan, Vietnam, Korea Selatan dan Amerika Syarikat.



SUASANA malam yang begitu mempesonakan.

# *Penang Free Wifi* lebih baik, laju tahun ini

**BAYAN LEPAS –** Penduduk di Pulau Pinang bakal menikmati perkhidmatan internet yang lebih baik, mesra pengguna dan laju menjelang suku ketiga tahun ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata, Kerajaan Negeri kini sedang berusaha menaik taraf perkhidmatan *Penang Free Wifi* (PFW).

"Perkhidmatan PFW sedia ada yang diperkenalkan pada tahun 2009 dihentikan pada 13 Februari 2019 rentetan terdapat banyak aduan berhubung perkhidmatan berkaitan.

"(Dan) berdasarkan beberapa kaji selidik yang dijalankan serta laporan perkhidmatan diterima, didapati penyedia perkhidmatan masih menggunakan sistem lama dan tidak mampu menampung pengguna yang ramai.

"Tambahan pula, kos yang dibiayai adalah tidak standing dengan perkhidmatan kelajuan internet, jadi kita (Kerajaan Negeri) mengambil inisiatif untuk menaik taraf bukan sahaja kelajuan, malah juga liputan serta pengalaman pengguna internet," ujarnya kepada pemberita dalam sidang media di sini baru-baru ini.



**ZAIRIL Khir Johari (tengah) pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ketua Pegawai Teknologi PDC Telecommunication & Services Sdn. Bhd., P. Ayappan serta Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Nur Aishah Md. Norodin.

Mengulas lanjut, Zairil menyatakan bahawa buat masa ini, terdapat 1,560 titik capaian *(access points)* PFW di seluruh 40 kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) dengan penggunaan maksimum 30 pengguna bagi setiap titik capaian.

"Berdasarkan data yang diberikan sejak 2009, sejumlah 690,000 pengguna sahaja yang dapat menikmati perkhidmatan ini.

"Kepenggunaan yang rendah ini disebabkan oleh perkhidmatan tidak memuaskan, malahan pengguna juga perlu log masuk secara manual setiap kali inginkan akses internet.

"Jadi perkhidmatan baharu yang bakal diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri nanti akan mengambil kira semua aspek ini bagi memberi keselesaan kepada pengguna perkhidmatan PFW khasnya penduduk Pulau Pinang," katanya.

Difahamkan, permintaan cadangan (RFP) bagi penyediaan perkhidmatan ini mulai dibuka pada 13 Februari 2019 dan mana-mana syarikat telekomunikasi yang berminat boleh membuat permohonan dalam tempoh tiga hingga enam bulan akan datang.

"Sehingga ke hari ini, terdapat beberapa nama-nama besar dalam penyediaan perkhidmatan telekomunikasi telah menunjukkan minat untuk turut serta, dan kita (Kerajaan Negeri) berharap rakyat Pulau Pinang dapat menikmati perkhidmatan internet yang lebih baik dan laju kelak," jelasnya.

## Jadikan 'urutan Malaysia' antara produk pelancongan baharu Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Jika di Thailand, urutan Thai sangat terkenal dan di Indonesia dengan urutan Bali, Malaysia juga boleh berbangga dengan urutan Malaysia yang mula diperkenalkan sejak 2017.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, meskipun urutan Malaysia masih baru, tidak mustahil ia mampu dikomersialkan di peringkat antarabangsa sekaligus memenuhi permintaan industri spa dan salon kecantikan di negara ini.

"Sepertimana yang semua sedia maklum, bahawa Pulau Pinang merupakan salah sebuah negeri yang menawarkan pelbagai produk pelancongan, dan perkhidmatan spa serta salon kecantikan ini mungkin boleh diangkat sebagai salah satu produk pelancongan negeri yang baharu.

"Hal ini kerana, di Pulau Pinang, masih banyak potensi serta peluang yang belum dioptimumkan khasnya dalam bidang keusahawanan seperti ini.

"(Dan) urutan Malaysia ini merupakan produk yang baik untuk diketengahkan, dan saya boleh memberikan komitmen ke arah memudah cara usaha ini," ucapnya pada Majlis Penutupan Kursus Pengurusan Bisnes Spa dan Salon Kecantikan di sini 14 Februari lalu.

Hadir sama, Pengarah MARA Negeri Pulau Pinang, A. Razu Abdul Razak; Ketua Unit Pusat Usahawan MARA, Shah Zulmizan Safar; Pegawai MARA Daerah Timur Laut, Noor Hayati Ahmad dan penceramah kursus, Norliza Othman.



**DR. Afif Bahardin (duduk, tengah) bergambar kenangan bersama-sama barisan penganjur dan para peserta yang mengambil bahagian dalam Kursus Pengurusan Bisnes Spa dan Salon Kecantikan di sini baru-baru ini.**

Menurut Afif, beliau melihat industri spa dan salon kecantikan berkaitan mempunyai potensi pasaran yang sangat besar.

"Sangat rugi sekiranya tidak dimanfaatkan sepenuhnya kerana pada saya, industri ini mampu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru.

"Saya harap pengusaha spa sedia ada mahupun yang berminat menceburi industri ini, silalah bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti MARA (Majlis Amanah Rakyat) atau *Penang Global Tourism* untuk berkolaborasi.

"Siapa tahu, mungkin suatu hari nanti, Pulau Pinang akan dikenali sebagai destinasi pelancongan perkhidmatan spa terkemuka.

"(Hal ini kerana) menurut sumber daripada Persatuan Spa Malaysia (AMSPA), industri spa di Malaysia dijangka menyumbang RM666.2 juta pendapatan tahunan negara selain mewujudkan lebih 6,000 peluang pekerjaan menjelang 2020," jelasnya.

Difahamkan, seramai 33 peserta terdiri daripada pengusaha dan juruterapi terlatih spa dan salon kecantikan mengambil bahagian dalam kursus intensif yang diadakan pada 11 hingga 13 Februari 2019 itu.

Rata-rata peserta yang ditemui Buletin Mutiara dalam majlis penutupan kursus itu menyifatkan ia sebagai suntikan semangat untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan berharap ia dapat dilaksanakan lagi pada masa hadapan.

## KKM diminta pertimbang semula cadangan pembangunan pusat jantung baharu di HPP

**TANJUNG BUNGA –** Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diminta untuk mempertimbangkan kembali cadangan bagi membangunkan sebuah pusat jantung baharu di Hospital Pulau Pinang (HPP).

Permintaan tersebut disuarakan Pengerusi Pertubuhan Jantung Pulau Pinang (PHC), Datuk Lawrence Cheah Seong Paik pada majlis pelancaran pertubuhan berkenaan di sini 16 Januari lalu.

Seong Paik berkata, bilangan pesakit jantung yang semakin meningkat dan jumlah (pesakit) menunggu rawatan lanjut yang mencecah ribuan orang kini menyukarkan HPP untuk menampung keadaan tersebut.

"*Penang Heart Centre* yang ditubuhkan pada tahun 1994 adalah yang pertama di dalam negara iaitu sebelum Institut Jantung Negara (IJN) ditubuhkan lagi.

"Dengan keadaan hospital yang padat iaitu 1,000 katil sekarang ini memerlukan penaiktarafan segera, pesakit semakin bertambah tetapi hospital kekurangan fasiliti.

"Tambahan pula, HPP kini merupakan pusat pakar rawatan jantung bagi wilayah utara Semenanjung Malaysia dan sewajarnya pusat jantung yang dicadangkan dahulu dipertimbangkan semula bagi menampung bilangan pesakit yang semakin meningkat," serunya.

Hadir menyempurnakan majlis pelancaran, Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Hadir sama, isteri kepada Ketua Menteri merangkap Presiden Pertubuhan Wanita Mutiara Pulau Pinang, Puan Tan Lean Kee.

PHC merupakan sebuah pertubuhan baru yang ditubuhkan bukan berasaskan keuntungan sebaliknya berfungsi untuk memberi kesedaran serta pendidikan kepada umum dan melaksanakan kempen berkaitan jantung.

Dalam pada itu, Lean Kee ketika berucap menyatakan bahawa berdasarkan laporan tahunan kardiovaskular kebangsaan, sebanyak 13.5 peratus pesakit jantung di negara ini adalah di bawah lingkungan 50 tahun.

"Berdasarkan statistik, penyakit atau serangan jantung adalah punca utama kematian di Malaysia, dan rakyat Malaysia didiagnosis menghidap penyakit jantung seawal usia 58 tahun.

"Berbanding populasi di Thailand sekitar usia 65 tahun, Kanada (68 tahun) dan negara-negara barat (66 tahun)," jelasnya.

PENANG 2030

# PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN:

## "Penang2030: Negeri Pintar, Hijau Dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasikan Negara"

**HADIAH UTAMA RM500**

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan 'PENANG2030: NEGERI PINTAR, HIJAU DAN BERTERASKAN KELUARGA YANG MENGINSPIRASIKAN NEGARA' dengan logo 'Penang2030'.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah milik penganjur.
10. Tarikh tutup penyertaan, **31 Mei 2019.**

**Sila isi butiran berikut:**

Nama : ..............................

No.Kad Pengenalan : ..............................

Alamat : ..............................

No. Telefon : (Rumah) .................. (Bimbit) ..................

Emel: ..............................

*Pastikan semua butiran diisi dengan langkap.*

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10525 |
| Peminjam | : NOR SUHAIDY BIN RAMLI - 70121801****<br>67 JALAN MUHIBBAH FASA 9, TAMAN SRI GOMBAK, BATU CAVES 68100 SELANGOR |
| Penjamin 1 | : MOHD MAZLAN BIN ABU BAKAR - 76123108****<br>8B2-02-07 BLOK 8B2, PARCEL 8 PRESINT 9 , 62250 PUTRAJAYA |
| Penjamin 2 | : NOR SUZAIRIN BIN RAMLI - 81111707****<br>1303 JALAN BARU SUNGAI ACHEH, 14320 NIBONG TEBAL, SPS |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10526 |
| Peminjam | : CHEE KANG HWAI - 83032307****<br>58-3-14 JALAN KURAU FLATS, JELUTONG 11600 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : CHEE KANG KAI - 80041407****<br>1B-20-2 SOLOK TANJUNG BUNGAH, 11200 TANJONG BUNGAH, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : YU SEE YEONG - 80122708****<br>A-829 JALAN PEKELILING, POKOK ASSAM, TAIPING, 34000 PERAK |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10534 |
| Peminjam | : INTAN ISMIDA BINTI ISMAIL - 86032935****<br>NO.1568 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SPU |
| Penjamin 1 | : FARIDAH BTE MUSTAPA - 60021807****<br>1568 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SPU |
| Penjamin 2 | : CHE HAIZAN BINTI ALI - 58082703****<br>577 MK 4, PERMATANG JANGGUS 13500 PERMATANG PAUH |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10548 |
| Peminjam | : SURESH A/L SINNAPAYAH - 85112008****<br>NO.1-02 RUMAH PANGSA, JALAN CHANDA SHERIFF 14300 NIBONG TEBAL, SPS |
| Penjamin 1 | : SINNAPAYAH A/L KUPPAN - (MENINGGAL DUNIA)<br>1-02 RUMAH PANGSA JLN CHANDA SHERIFF, TAMAN SENTOSA, 14300 NIBONG TEBAL, SPS |
| Penjamin 2 | : CHINAKANNE A/P SAMY RENGAPPAN - 57111307****<br>22 LORONG BISTARI 9, TAMAN BISTARI, 14300 NIBONG TEBAL, SPS |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10552 |
| Peminjam | : CHAN YUK CHOON - 81082407****<br>NO.104 TAMAN SRI KULIM 09000 KULIM, KEDAH |
| Penjamin 1 | : CHAN SHWU WEN - 77012702****<br>NO.104 TAMAN SRI KULIM, 09000 KULIM, KEDAH |
| Penjamin 2 | : TAN HOP YEE - 55011502****<br>NO.1448 JALAN 4 , TAMAN SELASIH, 09000 KULIM, KEDAH |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10555 |
| Peminjam | : ABDUL HAFIZ BIN ABDUL HAMID - 82101807****<br>36 JALAN AHMAD JAMIL SATU, TAMAN HAJI AHMAD JAMIL 13300 TASEK GELUGOR, SPU |
| Penjamin 1 | : HAWILLAH BTE MAN - 59011807****<br>36 JALAN SATU, TAMAN HAJI AHMAD JAMIL 13300 TASEK GELUGOR, SPU |
| Penjamin 2 | : ZAMBRY BIN MAN - 62032007****<br>321 MUKIM 2, TELUK BAHANG, 11050 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10558 |
| Peminjam | : NORHAYATI BINTI ZAINO ABIDIN - 83092608****<br>A-1-12 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : NOORSALMIEDA AYU BINTI MOHD NOOR - 80031207****<br>A-1-12 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : UBAIDULLAH BIN S M ABU BAKAR - 58042707****<br>BLOK 35B-3-2 KUARTERS PERGURUAN, JALAN MOUNT ERSKINE, 10470 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10560 |
| Peminjam | : MELANIE CHRISTINA A/P GANAPRAGASAM - 84082607****<br>2-9-8 LENGKOK NIPAH 3, TAMAN JUBLEE, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : MUNISWARI A/P KESAVAN - 76120907****<br>1-2-2 PEKAKA FLATS, JALAN PEKAKA 2, SUNGAI DUA, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : RAVENDREN A/L JAYAPRKAS - 78122807****<br>1-2-2 PEKAKA FLATS, JALAN PEKAKA 2, SUNGAI DUA, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10563 |
| Peminjam | : SHAMALA DEVHI A/P BHASKARAN - 85022507****<br>NO. 119 PERSIARAN JELAPANG 13, TAMAN SILIBIN 30100 IPOH, PERAK |
| Penjamin 1 | : RAJAMANI A/P SUBRAMANIAM - 58011507****<br>20 LORONG SEJAHTERA 13, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 2 | : VANETHAMONI A/P BHASKARAN - 80092907****<br>75 JALAN ALMA JAYA, TAMAN BUDIMAN 14000 BUKIT MERTAJAM |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10569 |
| Peminjam | : NEELAVANAN A/L MATHIALAGAN - 84092607****<br>BLOK 5-10-2 DESA MAWAR, LINTANG KAMPUNG MELAYU 2, FARLIM 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : MATHIALAGAN A/L N RAMASAMY - 54102202****<br>715-0-6 JALAN SUNGAI NIBONG 11900 SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : VICNESWARI A/P SELVADURAI - 84021807****<br>115-5-12, RUMAH PANGSA JALAN KEDAH, 10050 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10580 |
| Peminjam | : SHARIFAH SHAHNAZ BT SYED BAHARUDDIN - 80073007****<br>17-2-2 LEBUH MAHSURI, BANDAR BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : SYED BAHARUDDIN BIN SYED HASHIM - 53122008****<br>17-2-2 LEBUH MAHSURI, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : SULAIMAN BIN MOHAMED - 56051908****<br>94 PERSIARAN MAYANG PASIR 4, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10584 |
| Peminjam | : IZYANI BINTI ZARAIE - 86050235****<br>A-15-07 FLORA DAMANSARA, JLN PJU 8/9, BANDAR DAMANSARA PERDANA 47820 PETALING JAYA, SELANGOR |
| Penjamin 1 | : ZARAIE BIN MOHD NORDIN - R/F 97***<br>A2 T-10, U-05 PANGSAPURI PUTERA HARMONI,JALAN P9B, PRESINT 9, 62250 PUTRAJAYA |
| Penjamin 2 | : AMINAH BINTI MOHD DAN - 52052408****<br>UNIT UPAS, PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA, 59100 LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10586 |
| Peminjam | : ANAS AHMAD BIN IBNU HAJAR - 87100807****<br>8-5-5 LINTANG KAMPUNG RAWA 1, JALAN PATANI, 10150 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : IBNU HAJAR BIN ARLAH PITCHAY - 59112007****<br>8-5-5 LINTANG KAMPUNG RAWA 1, JALAN PATANI, 10150 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : LEMAN OMAR BIN MOHAMED YUSOP - 78022208****<br>711-2-13 FLAT TAMAN EMAS, 11920 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 10588 |
| Peminjam | : IRYANTI BINTI MOHAMAD DESA - 87051507****<br>225 JALAN SHAIK EUSSOFF, AYER ITAM 11400 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : IRYANI BINTI MOHAMAD DESA - 76101007****<br>NO. 225 JALAN SHAIK EUSOFF, 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : ZULKIFLEE BIN HASSAN - 70081407****<br>NO. 225 JALAN SHAIK EUSOFF, 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG |

# FedEx umum pelaburan RM17.6 juta

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU MAUNG –** Syarikat pengangkutan dan perkhidmatan kurier ekspres terbesar dunia, *FedEx Express* (FedEx) baru-baru ini mengumumkan pelaburan sebanyak RM17.6 juta bagi menaik taraf fasiliti logistik bersepadu terbesar di Kompleks Kargo Udara Kedua Malaysia Airport Berhad (MAB) di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata, fasiliti logistik bersepadu dilengkapi penggunaan teknologi terkini itu bakal menambah keyakinan pelabur sama ada dalam mahupun luar negeri sekaligus dilihat mampu memacu pembangunan ekonomi di Pulau Pinang.

"Dengan fasiliti logistik bersepadu *'FedEx Penang Gateway'* ini, saya yakin ia akan merancakkan lagi aktiviti perdagangan di Pulau Pinang yang merupakan gerbang utama bagi industri import serta eksport di wilayah utara Semenanjung Malaysia," ucapnya pada Majlis Pelancaran Fasiliti Logistik Bersepadu FedEx Penang Gateway di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato' Loo Lee Lian; Pengarah Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Pulau Pinang, Datuk Saidi Ismail; Naib Presiden Kanan (Operasi) FedEx Ekspres (Utara dan Selatan Pasifik), Kawal Preet dan Pengarah Urusan FedEx Ekspres Malaysia, SC Chong.



KETUA Menteri sambil ditemani wakil-wakil berkaitan mengadakan lawatan terhadap operasi FedEx bersempena Majlis Pelancaran Fasiliti Logistik Bersepadu FedEx Penang Gateway di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, dengan adanya fasiliti logistik berkaitan, beliau berharap ia dapat menyokong komitmen Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan Pelan Induk Pemasaran Logistik dan Perdagangan.

"Pelan ini mensasarkan Malaysia secara amnya sebagai gerbang masuk ke Asia menjelang tahun 2020 sekaligus menjadi pendokong dalam merealisasikan visi *Penang2030*, iaitu menjadikan negeri ini sebagai negeri contoh yang menyediakan jaringan perkhidmatan logistik terbaik," jelasnya.

Dalam pada itu, Chong ketika ditemui memberitahu bahawa pihaknya turut berhasrat untuk mewujudkan sebuah hab baharu FedEx di Pulau Pinang bagi melengkapkan rangkaian pasaran utama di Asia Tenggara dan China.

"Tahun ini, kami (FedEx) menjangkakan akan membuka dua lagi hab baharu iaitu satu di Batu Kawan (Seberang Perai Selatan), dan sebuah lagi di Johor sebagai langkah memperkukuhkan lagi kedudukan kami di Malaysia.

"Buat masa ini, *FedEx Penang Gateway* akan menyediakan dua kapal terbang kargo Boeing 767 khas yang mampu melakukan penerbangan dan penghantaran kurier pada hari operasi berikutnya ke bandar-bandar utama di Amerika Syarikat serta Asia Pasifik.

"Itu tidak termasuk kenderaan operasi rangkaian darat yang meliputi lebih 60 laluan tempatan di Pulau Pinang dan negeri-negeri berdekatan seperti Kedah serta Perak," ujarnya.

Difahamkan, *FedEx Penang Gateway* merangkumi fasiliti gudang dan pengisihan bersepadu bagi FedEx serta syarikat TNT dengan keluasan 4,830 meter persegi.

Menariknya, fasiliti logistik tersebut merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia yang menampilkan mesin pengimbasan sinar-X serta menggunakan sistem konveyor sabuk dan pengisihan termaju berkeupayaan mengendalikan lebih 2,700 pakej setiap jam.

# Pembangunan negeri perlu kekal relevan demi manfaat rakyat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**BAGAN JERMAL –** Rangkaian pasaraya besar Tesco Stores (Malaysia) Sdn. Bhd. (Tesco Malaysia) membuka satu lagi pasar raya di Bagan Ajam yang merupakan cawangan ketujuh di Pulau Pinang.

Dengan keluasan 9,500 meter(m) persegi, Tesco Bagan Ajam menyediakan ruang jualan seluas 4,000m persegi dan ruang niaga (5,500m persegi) serta menawarkan pelbagai kemudahan kepada pelanggannya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pembukaan Tesco Bagan Ajam menyediakan lebih 2,000 peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan yang merangkumi semua tahap dan memerlukan pelbagai kemahiran.

"Saya difahamkan Tesco turut memperkenalkan pelbagai produk di bawah jenama Tesco yang menawarkan harga murah, tetapi kualiti adalah setanding dengan jenama terkenal yang mana lebih 805 barangan adalah dihasilkan oleh pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) tempatan.

"Diharapkan, dengan adanya permintaan yang berterusan ini, pihak Tesco akan terus berusaha mengeluarkan produk-produk di bawah jenama sendiri yang mana ia bukan sahaja membantu pengguna berjimat dalam berbelanja, malah turut memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha SME tempatan untuk terus maju," katanya semasa merasmikan pembukaan pasaraya berkenaan di sini 17 Januari lalu.

Berucap sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif Tesco Malaysia, Paul Ritchie yang menyatakan bahawa Pulau Pinang terus menjadi pasaran yang menarik bagi Tesco berikutan ekonomi yang berdaya maju dan keyakinan tinggi pengguna telah menjadikan negeri ini destinasi pilihan peruncit.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Exco Belia dan Sukan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Jermal, Soon Lip Chee.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan segala perancangan dan pembangunan di Pulau Pinang terus relevan demi manfaat seluruh rakyat.

Justeru, menurut beliau, Pulau Pinang akan terus mengorak langkah sebagai negeri maju dengan memiliki pertumbuhan ekonomi yang mampan serta menawarkan persekitaran hidup lebih kondusif.

"Dari hanya sebuah negeri kecil, kini kita bangga apabila Pulau Pinang disenaraikan antara negeri yang mempunyai kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tertinggi di Malaysia selain menduduki tempat ketiga tertinggi dalam indeks pembangunan manusia selepas Selangor dan Kuala Lumpur.

"Malah, kita (Pulau Pinang) juga menyaksikan pembangunan ekonomi rancak dalam sektor pembuatan, perkhidmatan termasuk pelancongan yang amat memberangsangkan di negeri ini," ujarnya.



BARISAN kakitangan dan pelanggan merakam gambar kenangan pada Majlis Pembukaan Pasar Raya Tesco Bagan Ajam di sini baru-baru ini.



# Bersama-sama jayakan *Earth Hour 2019*

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Kempen *'Earth Hour 2019'* anjuran Tabung Alam Malaysia (WWF-Malaysia) yang turut memperoleh sokongan Kerajaan Negeri bakal berlangsung pada jam 8.30 malam, 30 Mac ini bertempat di *Gurney Paragon Mall*.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, penganjuran program berkenaan adalah sebagai menyokong usaha untuk menangani masalah perubahan iklim yang menjejaskan kehidupan seluruh manusia.

"Asas kehidupan seperti udara, air dan makanan adalah dipengaruhi oleh perubahan iklim, akibat daripada perbuatan manusia yang membawa kepada berlakunya peningkatan suhu global serta keadaan cuaca tidak menentu seperti kemarau serta banjir.

"Sebagai contoh, apabila Cape Town di Afrika Selatan dilanda kemarau dahsyat pada tahun 2017 yang membawa kepada berlakunya krisis air.

"Akibatnya, catuan air dilakukan dan orang ramai terpaksa menunggu berjam-jam di bawah panas terik matahari untuk mendapatkan air yang mana penggunaan air pula dihadkan kepada 50 liter sehari untuk setiap orang," katanya pada sidang media si sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, H'ng Mooi Lye; Pengurus Besar Penang Green Council, Thing Siew Shuen serta Pengarah Gurney Paragon Mall, Fong Yin Sian.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut menyatakan bahawa Pulau Pinang mencatatkan purata penggunaan air yang tinggi iaitu sebanyak 290 liter setiap orang sehari.

"Jumlah ini adalah 76 peratus lebih tinggi daripada (jumlah) yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu sebanyak 165 liter setiap orang sehari.

"(Dan) berdasarkan jumlah itu, penggunaan air domestik dilihat menyumbang lebih separuh daripada jumlah penggunaan air di negeri ini.

"Oleh itu, adalah sangat penting untuk kita mengurangkan jumlah penggunaan air supaya setiap orang memperoleh manfaat daripada usaha pemuliharaan air ini, dan semua akan menderita sekiranya ia tidak dilaksanakan," tegasnya.

Dalam pada itu, Pengarah Konservasi WWF-Malaysia, Dr. Henry Chan berkata, *Earth Hour* tahun ini bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap Kompleks Perhutanan Ulu Muda kerana hampir 80 peratus bekalan air Pulau Pinang adalah berpunca dari kawasan berkenaan.

"Penduduk Pulau Pinang perlu melindungi dan memelihara hutan tadahan air seperti di Ulu Muda dengan mengurangkan penggunaan air harian.

"Dengan membiarkan hutan terdedah kepada ancaman akan mengakibatkan kesan buruk bukan sahaja kepada masyarakat, bahkan kepada alam semula jadi.

"Oleh itu, WWF menyokong apa jua tindakan untuk melindungi hutan, seperti mengklasifikasikan semula hutan tersebut sebagai kawasan tadahan air dan diwartakan sebagai taman negeri," ujarnya.

Difahamkan, selain WWF-Malaysia, program tersebut juga dianjurkan bersama



DR. Henry Chan.

dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan *Gurney Paragon Mall*.

Yuran penyertaan adalah sebanyak RM65 yang mana semua hasil yang diperoleh daripada program tersebut akan disalurkan kepada usaha pemuliharaan WWF-Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, layari *wwf.org.my/earthhour*.

# MPSP perluas penggunaan mesin kompos EFWC ke premis makanan

**SEBERANG JAYA –** Mesin kompos *Economical Food Waste Composter* (EFWC) yang diinovasikan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bersama-sama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kini diperluaskan penggunaannya di premis-premis makanan.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, pihaknya menjalinkan usahasama dengan Restoran De' Pauh Garden bagi mewujudkan sebuah pusat kompos sebagai salah satu usaha pihaknya mengurangkan penghasilan sampah daripada sisa-sisa makanan.



**DUA kakitangan Restoran De' Pauh Garden menunjukkan kompos yang dihasilkan melalui sisa makanan menggunakan mesin EFWC bersempena majlis perasmian pusat pengkomposan berkaitan di sini baru-baru ini.**

"Penggunaan mesin kompos EFWC merupakan salah satu kaedah dalam pengurusan sisa makanan dan menukarkannya kepada satu bahan yang memberi faedah iaitu baja kompos.

"Pihak pengurusan Restoran De' Pauh Garden telah menunjukkan komitmen yang baik dengan membeli mesin ini untuk membantu dalam proses penghasilan kompos daripada sisa-sisa buangan dapur restoran berkenaan.

"Untuk peringkat permulaan, MPSP akan sentiasa bersama-sama pihak (pengurusan) restoran untuk menambah baik kaedah pengkomposan dan meningkatkan keupayaan mengurus sisa makanan dengan lebih efektif," katanya semasa merasmikan pusat kompos dekat restoran berkenaan di sini 19 Januari lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Pengarah Urusan Restoran De' Pauh Garden, Mohd. Rodzi Abu Bakar; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MPSP.

Difahamkan, Restoran De' Pauh Garden merupakan restoran pertama di Seberang Perai menggunakan mesin EFWC yang berharga RM3,200 seunit bagi menguruskan sisa makanan untuk dijadikan kompos.

Justeru, Rozali menyeru agar lebih banyak komuniti peniaga setempat mengambil inisiatif sama dengan mengamalkan pengkomposan sisa makanan bagi membantu mengurangkan penjanaan sampah ke tapak pelupusan sekaligus menjadikan sisa sifar sebagai gaya hidup.

"Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan dan pekerja-pekerja Restoran De' Pauh Garden yang memberi komitmen penuh dalam program kompos sisa makanan serta membantu MPSP menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik," ujarnya.




# Lancar jersi baru, harap pasukan bola sepak negeri 'bangkit semula'

**SEBERANG JAYA -** Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) melancarkan jersi baru bagi saingan musim 2019, meliputi ketiga-tiga pasukan negeri bagi Liga Perdana, Piala Presiden dan Piala Belia.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam pada itu berharap peruntukan RM5 juta kepada FAP dapat memperbaiki kedudukan Pulau Pinang.

"Bangkit... Bangkit... Bangkit Semula! Haria Penang Haria!"

"Kita memang tidak boleh mengharapkan tiba-tiba Pulau Pinang muncul sebagai juara, tetapi mungkin memerlukan dua tiga tahun untuk membina semula semangat pasukan ini," jelasnya dalam sidang media selepas majlis pelancaran berkaitan di sini 22 Januari 2019.

Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee dan Presiden FAP, Dr. Amar Pritpal Abdullah yang juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Setiausaha Kehormat FAP, Dastagir V. K. Mohd. Yassin.

Pada majlis sama, turut diumumkan barisan pengurusan dan pemain utama pasukan Harimau Kumbang, dengan Ahmad Yusof adalah Ketua Jurulatih pasukan baharu.

Difahamkan, jersi warna biru untuk beraksi di gelanggang sendiri, manakala gelanggang lawan (putih). Jersi hitam merupakan pakaian alternatif sekiranya berlaku pelanggaran warna jersi pihak lawan.



**ANTARA jersi baru FAP bagi saingan musim 2019 yang dilancarkan di sini baru-baru ini.**

## Simposium Sains Sukan, ke arah pembangunan sukan masa hadapan

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PANTAI JEREJAK –** Dalam memantapkan prestasi sukan negeri ini, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) mengambil inisiatif menganjurkan Simposium Sains Sukan 2019 yang dihadiri oleh sembilan pakar jemputan khas.

Simposium yang berlangsung selama dua hari (26 dan 27 Januari 2019) itu dirasmikan oleh Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee.

Ketika berucap, Lip Chee yakin bahawa penganjuran berkaitan dapat memberi pengalaman serta pendedahan ilmu yang tidak ternilai buat para peserta khasnya dalam pembangunan sukan negeri pada masa hadapan.

"Kita (Kerajaan Negeri) melalui MSNPP melihat Pulau Pinang mampu menjadi 'pengeluar' terbaik atlet-atlet bertaraf dunia, justeru, memperkasakan pihak-pihak berkepentingan dalam sukan dengan pengetahuan seperti sains sukan adalah menjadi kunci utama kejayaan di masa depan.

"Ini bukanlah satu penentu dalam jangka masa pendek semata-mata, bahkan satu matlamat berterusan yang perlu ditambah baik dari semasa ke semasa," ujarnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi II MSNPP, Cheah Ban Cheng; Pengarah bagi MSNPP, Frederick Tan Teck An dan Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Mohd. Nazifuddin Mohd. Najib.

Antara panel yang hadir, Konsultan Perubatan Sukan, Institut Sukan Negara (ISN), Datuk Dr. Ramlan Aziz; Timbalan Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Suhardi Alias; mantan Setiausaha Agung MOM, Datuk Sieh Kok Chi serta lain-lain pakar termasuk dari Singapura.

Sementara itu, majlis penutupan penganjuran disempurnakan Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dr. Amar Pritpal Abdullah merangkap Ahli Jawatankuasa bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bagi Belia dan Sukan.



**SOON Lip Chee (barisan pertama, lima dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama barisan penganjur dan para peserta penganjuran Simposium Sains Sukan 2019 di sini baru-baru ini.**

## Wanita perlu perkasakan diri - Exco

**BATU UBAN –** Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng menyeru golongan wanita memperkasakan diri masing-masing dalam mencapai kesaksamaan gender.

Jelasnya, masih terdapat golongan wanita di luar seakan-akan kurang arif tentang kesaksamaan gender yang perlu diperkasakan agar pandangan wanita diambil kira.

"Mengambil contoh diri sendiri, sebenarnya saya masuk ke arena politik ini adalah berhasrat untuk merapatkan jurang perbezaan di antara lelaki dan wanita… dan sehingga kini saya masih 'berlawan' membabitkan isu-isu tersebut.

"Jika kita inginkan perubahan tentang hal ini, kita juga perlu membentuknya daripada asas, wanita perlu diperkasakan dengan memberi kesedaran bahawa kita ada kesaksamaan dan menjadi suara penting dalam masyarakat di Malaysia," ucap beliau ketika merasmikan Seminar Ke Arah Zaman Keemasan Yang Gemilang anjuran Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) dan Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA) Universiti Sains Malaysia (USM) di sini 24 Januari lalu.

Hadir sama, Yang di-Pertua PSWM, Datin Fauziah Mohd. Ramly dan Pengarah KANITA USM, Prof. Dr. Noraida Endut.

Menurut Chong Eng, beliau berhasrat untuk bertemu dan berbincang dengan kepimpinan di peringkat Pusat berkait pengiktirafan khas diberikan kepada suri rumah dalam negara ekoran jasa besar golongan berkenaan dalam membentuk sahsiah sesebuah keluarga.

"Golongan suri rumah tidak patut dipandang rendah, sebenarnya golongan ini memberi sumbangan nilai ekonomi dalam bentuk sosial kepada institusi kemasyarakatan hari ini, jadi mereka wajar menerima pengiktirafan daripada kerajaan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.



**CHONG Eng (duduk, tiga dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama pihak-pihak berkaitan pada Majlis Perasmian Seminar Ke Arah Zaman Keemasan Yang Gemilang di sini baru-baru ini.**

# Bola sepak penyatu anak muda Melayu Kampung Baru Alma

**KAMPUNG** Baru Alma di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Lalang sudah wujud lebih dua ratus tahun dahulu.

Namun, arus pembangunan yang kian pesat seakan begitu cepat dikejar dek masa.

Sehinggakan kampung tersebut seakan-akan dikepung dek pembangunan arus perdana, di kiri, di kanan, di depan dan di belakang seolah-olah dipagari oleh taman perumahan yang mewah.



RUSLI Puteh.

**RUSLI PUTEH**, 60, yang merupakan anak jati Kampung Baru Alma menyatakan bahawa kemajuan dan segala bentuk pembangunan berkaitan adalah sesuatu yang tetap akan berlaku.

Menurut beliau, kalau Kerajaan mempunyai pemikiran untuk menentang kemajuan atas sebab nak mengekalkan apa yang telah ada – kalau ada hutan, dikekalkan hutan dalam keadaan lestari – namun, pembangunan yang pesat tetap akan berlaku juga.

Justeru, tambahnya, manusia normal mesti belajar untuk menyesuaikan diri dengan perubahan arus pembangunan yang sedang mengepung tradisi sedia ada, yang lebih awal wujud di kampung ini.

Beliau, merupakan Penasihat KB Rangers, iaitu sebuah kelab bola sepak yang mempunyai sejarah panjang, cuba dimanfaatkan untuk menyatu anak muda Melayu di peringkat Kampung Baru Alma.



KEJOHANAN Tertutup Bola Sepak 7 Sebelah anjuran KB Rangers di Padang Awam Taman Kota Permai pada 23 Disember 2018.

## KB Rangers Tubuh 1982

"Memang kampung ini dinamakan sebagai Kampung Baru Alma, sudah empat generasi wujud, tapi wujudnya bukan sebab nak bendung rakyat daripada ancaman komunis dan sebagainya.

"KB Rangers ini pula adalah kelab bola, ditubuhkan pada tahun 1982 lagi.

"Liga BM (Bukit Mertajam wujud lebih awal daripada itu (berbanding tahun 1982).

"Dahulu, kami main bola memang semata-mata untuk jaring gol dan kejar kejuaraan.

"Apabila telah sampai umur warga emas, berusia 60 tahun, kita mula memikirkan bahawa kelab bola ini sebenarnya boleh menyatukan anak-anak muda kelahiran Kampung Baru, Alma ini.

"Dalam kampung ini ada lebih 300 keluarga lagi, macam-macam pemikiran ada, tidak kira lah ideologi politik ataupun sebaliknya.

"Cuma, satu sahaja, semua kepelbagaian ini memang boleh disatukan di bawah satu jersi pasukan bola sepak, semua boleh disatukan di bawah KB Rangers.

"Saya fikir, mungkin ini lah salah satu kekuatan kita di Kampung Baru Alma," kata Rusli kepada wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** pada 13 Februari 2019.

Turut serta, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru Alma, Zulkifli Khalid di Pejabat MPKK dekat sini.

## Kejohanan Tertutup

Pada 23 Disember 2018 lepas, KB Rangers menganjurkan Kejohanan Tertutup Bola Sepak 7 Sebelah di Padang Awam Taman Kota Permai.

Ada lebih 10 pasukan, semuanya Melayu, membabitkan pemain anak jati tempatan mengambil bahagian dalam kejohanan tertutup itu.

"Sejak penubuhan KB Rangers pada tahun 1982, tiap-tiap tahun memang akan dianjurkan kejohanan bola secara tertutup seperti pada 23 Disember tahun lepas.

"Melalui kejohanan tertutup inilah, kelab memiliki anak jati tempatan untuk mewakili KB Rangers, bersaing dalam Liga BM.

"KB Rangers juga ada mengambil pemain import, maksudnya dari luar Kampung Baru Alma, kalau kita bertandang ke gelanggang lawan di luar Pulau Pinang, contohnya di negeri Perlis baru-baru ini.

"(Di Perlis) itu perlawanan persahabatan sahaja," ujarnya, sambil memberitahu bahawa segala perkembangan kelab boleh diikuti daripada laman *Facebook,* KB Rangers.

## Cabaran

"Dahulu, bermain tak banyak pakai duit. Saya pernah bermain untuk kelab bola sepak (KB Rangers) ini pun pakai duit sendiri untuk tambang bas dan sebagainya.

"Zaman telah pun berubah, pengadil kejohanan pun memerlukan duit ringgit, kalau ambil 'pemain import' kena berilah elaun walaupun dalam jumlah duit yang kecil sebagai tanda penghargaan.

"Ini realiti, bukan tidak sihat, tapi sebagaimana awal-awal tadi telah saya sebutkan, manusia kena menyesuaikan diri dengan realiti kebendaan yang senantiasa berubah-ubah.

"Zaman sekarang, semua benda kena ada duit ringgit, jadi di peringkat pentadbiran KB Rangers memang tengah berusaha mendapatkan tajaan ataupun sumbangan, sebab kita percaya bahawa sukan bola sepak ini boleh menyatukan anak-anak jati kampung ini," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng kerana turut menyumbang dana demi menjayakan kejohanan tertutup boleh sepak pada 23 Disember tahun lepas.

Rusli memberitahu, pihaknya sangat berharap wakil rakyat tempatan, termasuk Ahli Parlimen Bukit Mertajam merangkap Timbalan Menteri Belia & Sukan, Steven Sim Chee Keong dapat mengusahakan suatu geran dana untuk kelab-kelab bola sepak tempatan bergerak aktif.

Beliau turut berharap Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, terutama Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee dapat memberikan peruntukan khusus untuk semua pergerakan kelab bola sepak tempatan.

"Macam KB Rangers, hampir dua minggu sekali memang ada perlawanan persahabatan telah diatur, segala kos dalam sebulan memang kena ada dalam RM400 hingga RM600.

"Jadi, cadangan peruntukan dana ini bukan khusus untuk KB Rangers sahaja, malah untuk semua kelab agar masing-masing boleh bergerak dengan lebih aktif," katanya.

## Harapan

"Dalam era globalisasi yang memang mendedahkan anak kita dengan pelbagai gejala, sehingga kadang-kadang kita sendiri pun tidak dapat kepung anak-anak kampung kita, mungkin bola sepak ini adalah instrumen sosial untuk membina jati diri anak-anak jati kampung kita.

"KB Rangers walaupun berada dalam Divisen 3, pada tahun 2019 ini, kita akan memperbaiki kedudukan kita dalam Liga BM.

"Dan, pada masa sama, kita sedaya-upaya cuba untuk menyatukan anak-anak muda yang ada pelbagai jenis pemikiran di Kampung Baru Alma melalui Kelab Bola Sepak KB Rangers.

"Kita memang ada pelbagai pemikiran, tapi kepelbagaian ini memang boleh disatukan di bawah satu jersi bola," ujar Rusli.



SESI latihan intensif dan klinik KB Rangers Bawah Umur 12 Tahun di Padang Awam Taman Kota Permai sebagai persiapan untuk musim kejohanan tahun 2019.

LOGO lama.

LOGO baru.

# Ternakan ikan, hobi menjana pendapatan lumayan



SALAH satu kolam ternakan.




WADI Idris menunjukkan Sijil Usahawan Ikan Jaya (Air Tawar) yang dimenanginya pada sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Pulau Pinang Tahun 2013.

**BERMULA** dengan hobi dalam penternakan ikan, kini **WADI IDRIS**, 46, menjadi penternak ikan keli berjaya.

Hampir 20 tahun lalu, penternakan ikan keli yang diusahakan lelaki yang berasal dari Kedah tersebut bermula hanya 20 kolam kanvas diusahakannya di Teluk Kumbar.

Namun kini, penternakan yang diusahakan di atas tanah seluas tiga ekar dekat bukit Sungai Ara sudah berkembang menjadi 41 buah kolam. Wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan Jurufoto, **DARWINA MOHD. DAUD** sempat mencuri masa beliau untuk mengetahui resepi kejayaannya.

Wadi berkata, beliau memulakan penternakan tersebut dengan modal kira-kira RM50,000 hasil wang simpanannya.

"Pada mulanya, saya menjalankan perusahaan ikan hiasan…tapi selepas pasaran ikan hiasan merudum ekoran keadaan ekonomi semasa, segmen pasaran ditukar kepada perusahaan ikan makan.

"Bagi ikan air tawar, keli adalah yang paling laris di Pulau Pinang, justeru saya mengusahakannya dan mengorak langkah sehingga ke hari ini.

"Daripada 20 kolam kanvas di Teluk Kumbar, kini di sini (bukit Sungai Ara) mempunyai kira-kira 41 kolam bagi menampung benih ikan keli dari saiz 1.5 inci hingga ikan keli matang seberat 200 gram.

"Ikan keli ini mudah dibela dan akan matang kurang dari tempoh tiga bulan, kebiasaannya saya akan membeli sekitar 200,000 benih ikan keli dua kali sebulan," ujarnya sambil memberitahu bahawa benih-benih ikan keli tersebut dibeli daripada pembekal rasmi di Ipoh, Perak.

Menurut ayah kepada dua cahaya mata tersebut, sambutan yang diterima daripada pembekal serta peruncit adalah amat menggalakkan, dan terdapat juga permintaan dari luar daerah, namun buat masa sekarang beliau hanya membekalkan di sekitar Daerah Barat Daya (DBD) sahaja.

"Saya memang mendapat permintaan dari luar daerah, namun bekalan ini memang tidak mencukupi… bagi Barat Daya saja memerlukan sekurang-kurangnya lapan tan (ikan keli) untuk menampung permintaan.

"Hanya seminggu sekali sahaja stok ikan keli mampu dihantar ke Daerah Timur Laut (DTL), dan sememangnya penghantaran stok kepada pembekal saya lakukannya sendiri dengan harga borong iaitu RM4 hingga RM4.50 sekilogram," jelasnya yang petah berbicara sambil menangkap ikan keli matang untuk dipasarkan pada hari tersebut.

Beliau yang tidak lokek berkongsi cerita dengan wartawan Buletin Mutiara turut menyatakan bahawa ikan-ikan keli belaannya tidak hanyir, walaupun lazimnya ikan air tawar sering dikatakan hanyir dan agak berbau.

"Di sini, kesemua kolam-kolam ini menggunakan sumber air bukit, ikan-ikan ini berbeza tidak hanyir seperti keli air tawar," katanya sambil menunjukkan ikan keli kacuk Afrika dan tempatan yang diusahakannya.

Ikan keli atau nama saintifiknya *clarias gariepinus* adalah sejenis ikan air tawar yang banyak terdapat di Asia dan benua Afrika.

Uniknya, keli juga diberikan beberapa nama lain, misalnya di Indonesia dikenali sebagai lele, manakala di Afrika dipanggil mali, plamond (Thailand), namazu (Jepun) dan gura magura (Sri Lanka).

Walau apapun namanya, ikan keli kaya dengan asid lemak omega 3 yang rendah kandungan kolesterol dan juga mengandungi *asid docosahexaenoic* (DHA) yang baik untuk pertumbuhan otak serta tumbesaran kanak-kanak.



RUPA bentuk ikan keli kacuk Afrika dan tempatan yang diusahakan.

## Cabaran

Menurut Wadi, industri penternakan ikan keli tidak mempunyai saingan kerana bekalan sentiasa tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan semasa.

Walaupun tidak mempunyai saingan, namun keadaan cuaca yang tidak menentu terutamanya musim hujan adalah amat membimbangkan beliau ekoran kolam-kolamnya terletak di kawasan tinggi dan cenderung untuk berlaku tanah runtuh.

"Pernah terjadi ketika hujan lebat, batas kolam di fasa lima pecah ekoran hujan lebat, saya terpaksa keluarkan kira-kira RM6,000 untuk membaikinya dan kolam-kolam ini juga airnya pernah diracun hingga menyebabkan saya kerugian ratusan ribu ringgit apabila kesemua ikan mati," luah beliau.

Daripada kisah hitam tersebut, Wadi mengambil masa dua tahun untuk bangun semula dan mengusahakan semula minat yang menjadi sumber pendapatannya kini.

Malah, kami agak terkejut apabila diberitahu beliau tidak mempunyai seorang pekerja pun, sebaliknya hanya dibantu isteri serta anak lelakinya yang berusia tujuh tahun sejak berkecimpung dalam industri penternakan ikan.

"Memang agak sukar untuk mendapatkan tenaga kerja, saya hanya dibantu isteri dan anak lelaki, dia (anak) dah biasa dari kecil saya ajar selok-belok membela ikan ini.

"Moga, bila besar nanti dia mampu menjadi pewaris menyambung legasi penternakan ikan keli ini sampai ke satu tahap terbaik," ujarnya.

Buletin Mutiara dalam pada itu juga berpeluang melihat isterinya menyiang ikan keli yang baru ditangkap dari kolam berhampiran untuk permintaan pembeli.

Uniknya, ikan-ikan keli yang masih hidup dan menggeletis tersebut dimasukkan ke dalam satu tong dan dituang garam kasar ke dalamnya sebelum ditutup. Difahamkan, kaedah ini akan mematikan ikan tersebut dan mudah untuk disiang.

## Harapan

Ditanya mengenai perancangan masa hadapan, Wadi berkata, beliau berhasrat untuk melatih serta melahirkan lebih ramai usahawan ikan keli pada masa hadapan.

Bercerita lanjut, menurutnya, sehingga kini beliau telah banyak melatih usahawan-usahawan muda di dalam industri tersebut sama ada orang perseorangan mahupun pelajar-pelajar yang menjalani latihan industri dari Institut Akuakultur, Jabatan Pertanian dan beberapa institusi berkaitan.

"Jika ada mana-mana agensi yang berkaitan boleh tolong berikan perangsang mahupun bertukar-tukar maklumat dalam apa jua bentuk bantuan, saya amat alu-alukan.

"Apa saya hasratkan adalah untuk lahirkan lebih ramai usahawan pelapis pada masa hadapan, bidang ini juga mampu memberikan pendapatan lumayan sekiranya diusahakan bersungguh-sungguh," katanya.

Malah, pencapaian Wadi turut mendapat pengiktirafan pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Pulau Pinang sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 2006, 2007 dan 2013.

Tidak cukup setakat itu sahaja, kepakaran dan hasrat Wadi untuk mempunyai pusat pembenihan ikan keli sendiri terpaksa ditangguhkan dahulu ekoran kekangan masa dan tenaga kerja yang tidak mencukupi.

"Pusat pembenihan anak ikan keli ini memerlukan ketelitian dan tempat khas untuk melaksanakannya… buat masa ini, saya perlu tangguhkan dulu hasrat ini, tetapi jika ada mana-mana pihak berkaitan yang sudi tampil membantu menjayakan impian ini, saya amat hargai," serunya menutup bicara.

# Papan tanda 'Dilarang Merokok' di semua premis MPSP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MPSP**

**MACHANG BUBUK -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal memasang papan tanda 'Larangan Merokok' di semua 30 pasar awam dan 66 kompleks makanan milik pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa langkah itu adalah sebagai menyahut langkah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk memastikan semua lapisan rakyat tidak terdedah oleh asap rokok.

"Ini adalah langkah proaktif kita sejak tahun 2008 secara berterusan, untuk memastikan semua bebas daripada asap rokok.

"Ini adalah usaha kita menyahut seruan kerajaan dan mematuhi Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 yang bertujuan untuk melindungi orang awam.

"Di bawah Peraturan 11(1)(d) menyatakan bahawa 'tiada seorang pun boleh merokok dalam mana-mana tempat makan atau kedai berhawa dingin'," jelasnya pada Majlis Pelancaran Papan Tanda 'Dilarang Merokok Di Premis MPSP' dekat Pasar Awam Kota Permai di sini pada 19 Januari 2019.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta beberapa Ahli Majlis bagi MPSP.



SR. Rozali Mohamud (lima dari kiri), Ir. Rosnani Mahmod (tengah) dan pihak-pihak berkaitan menunjukkan papan tanda sulung yang dinaikkan di sini baru-baru ini.

Rozali memberitahu, pada peringkat permulaan, pihaknya akan memasang papan tanda bersaiz 40 sentimeter (sm) x 50sm di semua premis MPSP yang mempunyai gerai makan, dengan kos keseluruhan sejumlah RM2,850.

Pada peringkat kedua, jelasnya, MPSP akan memasang papan tanda 'Dilarang Merokok' bersaiz 60sm X 90sm di jalan masuk menuju ke premis perniagaan milik MPSP.

# Cadangan pengeluaran permit sementara bagi aktiviti rumah tumpangan dan gerai makanan lulus

**GEORGE TOWN –** Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebulat suara bersetuju meluluskan cadangan pengeluaran permit sementara bagi aktiviti hotel, chalet, rumah tumpangan dan gerai makanan di bawah kategori ekopelancongan.

Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, persetujuan tersebut adalah tertakluk bagi kawasan tanah bukit yang melebihi 76 meter atau 250 kaki di kawasan seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

"Sepertimana yang dimaklumkan dalam keputusan mesyuarat, pengeluaran permit sementara ini berkuat kuasa mulai 1 Februari 2019, dan diberikan kepada enam pengusaha yang disenaraikan.

"Mereka ini juga tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis seperti pemohon perlu mengemukakan dokumen persetujuan daripada pemilik lot bersebelahan bagi tujuan laluan keluar masuk ke premis, pelan bangunan, pelan ukur oleh juruukur bertauliah dan pelan kerja tanah.

"Selain itu, mereka juga perlu memperbaharui setiap tahun Lesen Permit Sementara ini dengan pengesahan daripada jurutera bertauliah termasuklah sistem perparitan di sekitar premis.

"(Dan) pemohon juga tidak dibenarkan menambah ruang lantai baru atau kerja tanah fizikal ke atas premis mereka yang sedia ada," ujarnya pada sidang media sejurus penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 01/2019 di Dewan Bandaraya dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali serta barisan Ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Terdahulu, Pengerusi Gantian Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Wong Yuee Harng memaklumkan bahawa pihaknya telah bersetuju memberi permit sementara kepada pemilik di Lot 646 Mukim 10 Teluk Kumbar, Lot 460 dan 461 Mukim 10 Sungai Ara, Lot 195 Mukim 1 Teluk Bahang, Lot 894 Mukim 2 Pantai Acheh, Lot 849 Mukim 2 Pantai Acheh dan Lot 229 serta Lot 417 Mukim 5 Balik Pulau.



AR. Yew Tung Seang (kiri) dan Wong Yuee Harng.

"Selain mematuhi syarat-syarat kesihatan yang ditetapkan oleh MBPP, pemohon juga perlu menyediakan sistem pencegahan kebakaran yang memenuhi syarat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta mematuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Badan Kawal Selia Air.

"Pemohon juga perlu melantik kontraktor berdaftar yang memiliki permit daripada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP untuk memungut, mengangkut dan melupuskan sisa baki, sisa makanan, sisa kebun dan pukal serta bahan kitar semula hasil daripada aktiviti perniagaan mereka.

"(Dan) kadar permit sementera ditetapkan adalah RM7,200 setahun," katanya.

# Aspiring Seberang Perai Photography Awards kembali!

**SEBERANG JAYA –** Aspiring Seberang Perai Photography (ASP) Awards kembali lagi pada tahun ini dengan menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM19,400.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang menganjurkan program itu, dengan dua pihak lain iaitu *Spirit Of Perai* serta Think City Sdn. Bhd..

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, penganjuran program tersebut adalah bertujuan memberi peluang kepada komuniti untuk berkarya melalui fotografi, selain menggalakkan aktiviti pelancongan di Seberang Perai.

"Walaupun MPSP bukan organisasi yang berorientasikan perniagaan, tetapi kita tetap memberikan perhatian kepada sektor pelancongan sebagai salah satu usaha untuk menjadikan Seberang Perai sebuah bandar bersih dan hijau.

"Kedatangan pelancong akan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk terus menjaga kebersihan di Seberang Perai selain mampu menjana pendapatan bagi golongan B40 (golongan berpendapatan 40 peratus terendah)," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh dekat Pejabat MPSP di sini 24 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap merangkap Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dr. Amar Pritpal Abdullah; Mustafa Kamal Ahmad (ADUN Telok Ayer Tawar); Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq (ADUN Bertam); Jason H'ng Mooi Lye (ADUN Jawi); Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod serta Ketua-Ketua Jabatan MPSP.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Spirit Of Perai, LAr. Amos Ng menjelaskan bahawa ASP Awards 2019 adalah bertemakan *'My Seberang Perai Old Towns'* yang mana para peserta berpeluang menerokai pekan lama iaitu pekan Nibong Tebal, pekan Bukit Mertajam dan pekan Kepala Batas.

Jelasnya, satu lagi kategori baru diperkenalkan pada penganjuran tahun ini iaitu *'Timelapse Living In Old Town'* selain empat kategori sedia ada.

"Lima kriteria akan dinilai terhadap setiap karya iaitu perpaksikan rakyat, budaya, seni bina, sosio dan ekonomi serta pemandangan malam," jelasnya.

Difahamkan, tarikh penyertaan adalah sehingga 14 Jun 2019.

Borang penyertaan dan maklumat lanjut berkaitan ASP Awards 2019 boleh dimuat turun di laman sesawang, *http://www.mpsp.gov.my* atau *www.aspiring.photography*.

# Jujur, amanah tentukan kualiti kerja – Muhammad Ali

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PANTAI JEREJAK –** Salah seorang penerima penghargaan khas 'Long Service Award' Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), **MUHAMMAD ALI IDRIS**, 60, yang telah berkhidmat selama 41 tahun bersama-sama pihak berkuasa tempatan berkaitan memberitahu bahawa sikap amanah dan jujur merupakan perkara penting dalam menentukan kualiti kerja seseorang kakitangan.

"Yang penting kerja mesti jujur dan amanah, tak amanah tak boleh kerja. Sikap amanah dan jujur inilah yang mampu menentukan kerja dibereskan (disiapkan) atau pun tidak," ujarnya yang ditemui selepas Majlis Sambutan Hari Warga MBPP di sini baru-baru ini.

Bercerita mengenai pengalamannya sepanjang berkhidmat di MBPP, Muhammad Ali menyatakan bahawa pengalaman sememangnya banyak terutamanya ketika beliau berkhidmat di Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pelesenan, bermacam-macam karenah orang awam terpaksa didepani.

"Kebiasaannya kita akan menghantar notis saman, pernah suatu masa ketika menghantar notis saman di salah sebuah kelab malam, dihalang dan ditahan oleh sekumpulan 'gangster' daripada masuk … apapun tugas mesti dijalankan juga, jadi saya tunjuk kad kuasa dan habaq (cakap) elok-elok tujuan sebenar datang.




**MUHAMMAD Ali Idris (kanan sekali) bersama-sama lapan kakitangan lain yang menerima penghargaan khas *'Long Service Award'* pada Majlis Sambutan Hari Warga MBPP di sini baru-baru ini.**

"Sama juga dengan kes rumah-rumah yang ada pembiakan nyamuk, perlu keluarkan kompaun. Kalau melibatkan kompaun ni, siapa pun tak suka dan akan jadi marah, yang penting kita perlu berinteraksi sebaik mungkin dengan orang awam agar mereka faham, kami hanya menjalankan tugas sahaja," jelasnya yang merupakan Penghantar Notis Kanan di Jabatan Kawalan Bangunan MBPP kepada wartawan Buletin Mutiara.

Selain Muhammad Ali, seramai sembilan kakitangan MBPP yang lain turut menerima penghargaan khas berkaitan.

Majlis anugerah khas berkenaan disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang menyatakan bahawa penghargaan khas yang diberikan kepada 10 kakitangan yang telah berkhidmat lama adalah sebagai mengenang jasa serta pengorbanan mereka.

"Kakitangan paling lama berada bersama kita (MBPP) telah pun berkhidmat dengan MBPP selama lebih 45 tahun.

"Pada kesempatan ini juga, tidak dilupakan sumbangan Pekerja Am 3D *(difficult, dangerous dan dirty)* yang sentiasa komited melaksanakan tugas serta tanggungjawab masing-masing.

"Kerja-kerja 3D selalunya bukan pilihan pertama bagi kebanyakan orang, akan tetapi pekerja 3D kita (MBPP) bekerja keras tanpa rungutan dan menyempurnakan tanggungjawab dengan penuh amanah, termasuk sepanjang musim perayaan Thaipusam baru-baru ini," katanya sambil disahut tepukan gemuruh daripada semua warga kerja MBPP yang hadir.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Sambutan Hari Warga MBPP yang julung kali dianjurkan adalah sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan seluruh warga PBT berkenaan.

Menariknya, penganjuran julung kali tersebut turut mengetengahkan bakat-bakat terpendam kakitangan PBT berkenaan apabila setiap jabatan dikehendaki membuat persembahan mengikut kreativiti masing-masing.

## Lancar Seberang Perai Corporate Priorities 2019, terjemah Bajet 2019 berpaksikan rakyat

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini melancarkan Seberang Perai Corporate Priorities (SPCP) 2019 bagi menterjemahkan Bajet 2019 bertemakan 'Menyantuni Rakyat' ke dalam bentuk mudah difahami umum.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa SPCP mengandungi 98 program serta 208 aktiviti, 75 daripada aktiviti adalah berpaksikan rakyat.

"Keutamaan akan diberikan kepada remaja, warga emas dan golongan B40 (berpendapatan kurang 40 peratus) bagi membina masyarakat yang progresif, penyayang dan mencintai alam sekitar.

"Oleh itu, MPSP akan memperkenalkan dan membangunkan ruang pelbagai guna untuk menambah ruang niaga, tempat bersenam dan bersukan, ruangan sosial, resepsi pekahwinan dan banyak lagi dengan kos kira-kira RM13 juta.




**CARTA aliran kaedah penggunaan MPSP QR Bill.**

"Kita (MPSP) juga mempromosikan kempen pemilikan rumah bagi setiap pekerja MPSP terutamanya dalam kalangan 'wira oren' melalui program pemadanan pekerja dengan institusi perbankan serta pemaju perumahan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh dekat Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini 24 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap merangkap Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dr. Amar Pritpal Abdullah; Mustafa Kamal Ahmad (ADUN Telok Ayer Tawar); Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq (ADUN Bertam); Jason H'ng Mooi Lye (ADUN Jawi); Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod serta Ketua-Ketua Jabatan MPSP.

Mengulas lanjut, Rozali berkata, turut terkandung dalam dokumen strategik tersebut adalah maklumat berkaitan dasar-dasar yang dilaksanakan MPSP bagi mencapai status bandar rendah karbon, bandar pintar serta sistem-sistem pengurusan berpaksikan rakyat.



**SR. Rozali Mohamud (empat dari kanan), pucuk pimpinan Kerajaan Negeri dan MPSP bergambar kenangan pada Majlis Pelancaran SPCP 2019 di sini baru-baru ini.**

Maklumat lanjut berkaitan SPCP 2019 boleh didapati di laman sesawang, *http://www.mpsp.gov.my*.

Pada sidang media sama, Rozali turut melancarkan 'MPSP QR Bill' bagi memudahkan pemilik premis membuat bayaran cukai taksiran hanya dengan menggunakan telefon pintar.

"Melalui fungsi ini, pemilik premis boleh membayar cukai taksiran MPSP menggunakan telefon pintar dengan hanya mengimbas kod QR yang disediakan pada bil (cukai taksiran) yang diterima.

"Selepas kod berkaitan diimbas, pemilik premis perlu mengemas kini alamat emel serta nombor telefon terlebih dahulu untuk direkodkan ke dalam sistem MPSP.

"Pembayaran boleh dibuat melalui kad kredit, kad debit atau PFX *(online banking)* yang mana transaksi pembayaran akan dimaklumkan melalui SMS (khidmat pesanan ringkas) atau emel yang telah didaftarkan," ujarnya.

# Naik taraf kemudahan tandas awam kedua Taman Botani demi keselesaan pengunjung

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**KEBUN BUNGA –** Kerja-kerja menaik taraf tandas awam kedua Taman Botani yang menelan kos sebanyak RM200,000 kini telah siap sepenuhnya.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai berkata, penaiktarafan tersebut dilaksanakan bertujuan untuk memberikan lebih keselesaan kepada para pengunjung di kawasan terbabit.

"Kini kemudahan ini bukan sahaja boleh digunakan oleh pekerja-pekerja Taman Botani sebagai tempat berehat, bahkan turut memberi kemudahan kepada orang awam.

"(Dan) yang paling penting adalah penambahbaikan ini pasti akan menambah keselesaan kepada semua pihak.

"Justeru, saya menyeru kepada pengunjung-pengunjung Taman Botani supaya bersama-sama menjaga kemudahan ini dengan sebaik mungkin," katanya selepas merasmikan kemudahan tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee; Pengarah Jabatan Taman Botani Pulau Pinang, Mohd. Azwa Shah Ahmad serta Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

Difahamkan, antara skop binaan penting yang dinaik taraf dan ditambah baik termasuk dua tandas orang kurang upaya (OKU) serta bilik mandi (2).



**WONG Hon Wai (tengah) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Perasmian Tandas Awam Kedua Taman Botani di sini baru-baru ini.**



# Peralatan menyelamat, bincang keperluan tambahan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAGAN LALANG –** Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng mengalu-alukan sumbangan bot penyelamat sambil menyifatkan pemberian yang diterima Pasukan Bomba Sukarela Padang Lalang itu adalah tepat pada masanya bagi memudahkan kerja-kerja menyelamat dilaksanakan.

Bot berkenaan diserahkan secara rasmi oleh Pengurus China Press Zon Utara, Lim Kek Hong kepada Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang, Saadon Mokhtar.

Penyerahan itu turut disaksikan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.

Menurut Chong Eng yang juga ADUN Padang Lalang, kesukaran melakukan kerja menyelamat yang dihadapi ketika tragedi banjir besar pada November 2017 wajar dijadikan sebagai iktibar.

"Keperluan (bot penyelamat) ini sebenarnya sangat penting, sebelum berlaku kecemasan, kita seharusnya sudah memiliki kelengkapan untuk menyelamat seperti ini… Kerajaan Pusat perlu memandang serius tentang kekurangan peralatan.

"Kita perlu sentiasa semak dan beli keperluan baharu, bukannya apabila terjadi sesuatu kecemasan baru kita nak cari, ianya sudah tentu menyukarkan," ujarnya pada Majlis Penyerahan Bot Penyelamat berkaitan.

Difahamkan, syarikat penerbitan, China Press Sdn. Bhd. memperuntukkan lebih RM38,000 bagi sumbangan bot sepanjang 18 kaki, trailer bot, jaket keselamatan dan enjin berkapasiti 40 kuasa kuda yang mampu membawa kira-kira 12 penumpang pada satu masa.

Justeru, Chong Eng menyatakan bahawa beliau akan bertemu dengan pemimpin di peringkat Pusat bagi membincangkan keperluan untuk menambah peralatan menyelamat.

Dalam pada itu, Saadon ketika ditemui menyifatkan bahawa sumbangan berkaitan merupakan satu rezeki buat pihak Bomba dalam melicinkan tugas-tugas menyelamat di air.



CHONG Eng (empat dari kiri), Phee Boon Poh (tiga dari kiri) dan pihak-pihak berkaitan menyempurnakan gimik penyerahan sumbangan di sini baru-baru ini.

## Ziarah Kasih, ringankan beban golongan kurang bernasib baik



AZRUL Mahathir Aziz (kiri sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah sebuah keluarga yang diziarahinya di sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz meneruskan program Ziarah Kasih bagi meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkenaan.

Menurutnya, melalui program turun padang tersebut, beliau sendiri dapat mendekati dan mengenal pasti tentang permasalahan golongan kurang bernasib baik di samping menyalurkan bantuan yang diperlukan oleh mereka.

"Sebenarnya amalan Ziarah Kasih dan mengunjungi golongan terpilih ini telah saya laksanakan semenjak dahulu ketika menjadi Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) lagi.

"Kini, dengan tanggungjawab yang diberikan oleh penduduk kawasan Bayan Lepas, agenda untuk membantu pelbagai golongan masyarakat tetap menjadi keutamaan saya meskipun musim Pilihan Raya Umum (PRU) telah berlalu," ujar Azrul Mahathir selepas menyantuni beberapa keluarga terpilih di kawasan berkenaan baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Nurliyana Mohd. Ramzi dan Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Pada program berkenaan, sebanyak sembilan keluarga terpilih menerima sumbangan berupa wang tunai.

## Tubuh Pasukan RELA KADUN Jawi demi tingkatkan keselamatan penduduk

**JAWI –** Seramai 30 anggota Pasukan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi memulakan tugas secara rasmi pada 26 Januari lalu.

Majlis pelepasan unit tersebut disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), H'ng Mooi Lye dalam majlis yang dianjurkan oleh Pejabat RELA Seberang Perai Selatan (SPS) bertempat di Gelanggang Sepak Takraw Kampung Bagan Buaya, dekat sini.

Mooi Lye dalam ucapannya berharap penubuhan pasukan RELA tersebut dapat membantu menjaga keselamatan penduduk sama ada mereka yang tinggal di taman-taman perumahan atau kawasan kampung sekitar.

"Terdapat kes pecah rumah berlaku dalam beberapa bulan kebelakangan ini terutamanya di Taman Bukit Panchor dan kawasan sekitarnya.

"Justeru, diharap dengan adanya unit rondaan pasukan RELA ini, keselamatan persekitaran lebih selamat di samping membantu usaha anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mengurangkan kes-kes jenayah khususnya dalam KADUN Jawi," ujarnya.

Turut serta, Pegawai RELA SPS, Mohd. Rezal Mohd. Radzi; Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Bagan Buaya Changkat, Heah Bak Seah dan komuniti setempat.

Mengulas lanjut, Mooi Lye menegaskan bahawa soal keselamatan anggota RELA semasa menjalankan tugas juga perlu diberi perhatian yang serius.

"Di samping membuat rondaan bagi menjaga keselamatan penduduk tempatan, keselamatan anggota-anggota RELA yang terlibat dalam membuat rondaan juga perlu diberi penekanan.

"Oleh itu, saya berharap agar kerjasama yang erat antara pasukan RELA SPS dengan pihak KADUN dapat dieratkan lagi demi menjaga keselamatan penduduk serta memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat," sarannya.



H'NG Mooi Lye (berbaju kelabu) bergambar bersama-sama pasukan RELA KADUN Jawi bersempena majlis penubuhannya di sini baru-baru ini.

## Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2019

PENANG 2030



Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ______________________

Alamat: ______________________

______________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ______________________

No. Telefon : (Rumah) ____________ (Bimbit) : ____________

Emel: ______________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Februari 2019 hingga 31 Mei 2019.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiah:**

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**